

NEGERI YANG SEMBILAN

(1ST PAGE PROOFS)


NORMALIN H. IBRAHIM

KOLEKSI


NORMALIN H. IBRAHIM

NEGERI YANG SEMBILAN

Daerah kecil pusaka adat warisan kerajaan berdaulat




NORHALIM HJ. IBRAHIM



Negeri yang Sembilan

Daerah Kecil Pusaka Adat
Warisan Kerajaan Berdaulat



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD
1995

Author's Copy

1st Page Proofs

(Chap 1 - 10)


16/6/95


Negeri yang Sembilan
Warisan Satu Peradaban


Sdr Nurhalin

Kita mungkin akan menuliskan tajuk
kepada :

[NEGERI YANG SEMBILAN
daerah kecil pesaka adat
warisan kerajaan berdaulat .]



16/6/95



Negeri yang Sembilan

Warisan Satu Peradaban



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1995

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995


ISBN 967 65 3536 2

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

*Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Polygraphic (M) Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan*

Isi

<i>Prakata</i>	v
<i>Pendahuluan</i>	vii
1 PENGENALAN	1
2 PEMBUKAAN REMBAU	14
3 PENDUDUK AWAL REMBAU	31
4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU	43
5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU	62
6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG	73
7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT	85
8 KEDATANGAN KUASA BARAT	93
9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA	104
10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU	125
11 BUGIS DI REMBAU	141
12 YANG DIPERTUAN REMBAU	172
13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU	222
14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU	259
15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL	305
16 ERA BARU	317
<i>Lampiran</i>	328
<i>Bibliografi</i>	347



Isi

- 1 PENGENALAN
- 2 PEMBUKAAN REMBAU
- 3 PENDUDUK AWAL REMBAU
- 4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU
- 5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU
- 6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG
- 7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT
- 8 KEDATANGAN KUASA BARAT
- 9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA
- 10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU
- 11 BUGIS DI REMBAU
- 12 YANG DIPERTUAN REMBAU
- 13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU
- 14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU
- 15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL
- 16 ERA BARU



M.B.N.S. 1.69

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

SRTITIS TINTA

Ketabahan yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita cerita, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang mengannggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku Negeri Yang Sembilan ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan negeri Sembilan Darul Khusus di samping menggalakan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan.

Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Atas nama Kerajaan Negeri, rakaman penghargaan kepada penyusun buku ini.

Salam hormat.

{DATO' SERI UTAMA TAN SRI D. M. MOHD ISA DATO' ILYA ABD SAMAD}

Author's Copy
21/6/95

Prakata

KEFAHAMAN yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita deria, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang menganggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika (sebelum abad ke-20) berdiri sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku *Negeri Yang Sembilan* ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus di samping mengalukan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan. Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Kepada penyusun buku ini, bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

Salam hormat.

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

✓ 67

Pendahuluan

PENYUSUNAN dan penulisan *Negeri Yang Sembilan* ini adalah suatu percubaan mengumpulkan bahan-bahan sejarah tentang Kerajaan Rembau. Setakat yang diketahui, belum ada lagi penulisan yang khusus tentang perkembangan politik kerajaan ini. Kebanyakan penulisan yang ada tentang Rembau adalah berkenaan dengan adat dan istiadatnya dengan menyentuh mana yang perlu, sejarah perkembangan politiknya. Fakta dan data sejarah negeri kecil ini sering disentuh dan dibincangkan dalam pensejarahan negeri-negeri Melayu lain. Kebanyakan data dan fakta itu tertulis dalam bahasa asing seperti Inggeris, Belanda dan Portugis. Belum ada lagi sebuah penulisan yang khusus dalam bahasa Melayu tentang sejarah 'Rembau dan Negerinya yang Sembilan.'

Maka adalah tujuan utama penyusunan buku ini untuk mengumpulkan data dan fakta yang bertaburan itu ke dalam suatu penulisan yang mengikut kronologi perkembangan sejarah politik Kerajaan Rembau. Bahan dan sumber yang digunakan untuk penulisan terhad kepada yang ada dalam simpanan penyusun. Dengan itu diperakui bahawa penulisan ini, sebagai langkah pertama dalam menyusun semula sejarah pembangunan politik sebuah negeri yang ketandusan dokumentasi sejarah sendiri, banyak kelemahan dan kekurangannya. Adalah diharapkan bahawa kelemahan dan kekurangan penulisan ini akan menjadi petunjuk dan landasan kepada peminat, penuntut dan ahli sejarah berikutnya untuk memperbaikinya dengan membuat penyelidikan yang lebih terperinci agar tersusun satu pensejarahan kerajaan Rembau dan Negerinya yang Sembilan yang lebih mantap.

Kerajaan Rembau telah bangun selepas jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Ianya bukan sebuah empayar seperti Johor yang sezaman dengannya ataupun Melaka sebelumnya. Rembau adalah sebuah kerajaan kecil tetapi berjiwa besar. Kerajaan ini untuk lebih kurang 340 tahun, telah dapat mempertahankan diri dan kedaulatannya daripada dijajah. Bagi sebuah negara kecil, ini merupakan suatu kejayaan yang cemerlang. Kejayaannya mempertahankan diri mungkin diinspirasikan oleh sistem kemasyarakatan—*Adat Perpatih*—yang mereka amalkan. Mulai dari awal kedatangan Barat, Portugis, rakyat Rembau telah sanggup bertumpah

PENDAHULUAN

darah dan berkorban nyawa untuk memastikan kebebasan diri dan negerinya. Dalam persejaraan negara kecil ini tidak ada satu individu yang ditonjolkan, seperti halnya Datuk Bahaman di Pahang atau Datuk Maharaja Lela di Perak kerana dalam masyarakat adat ini, setiap anggota masyarakat itu adalah sama rata. Kepentingan yang ditonjolkan bukannya kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok yang bersatu padu. Demi kepentingan bersama ini dan demi mempertahankan pusat kedaulatannya, kerajaan Rembau sanggup mengorbankan wilayahnya asalkan keseluruhan kerajaannya tidak dijajah. Namun akhirnya kerajaan Rembau terpaksa juga mengikut alur yang telah diteroka oleh kerajaan Melayu lain yang lebih besar daripadanya, iaitu tunduk di bawah penjajahan Inggeris.

Rembau dan Negerinya yang Sembilan dapat bertahan begitu lama disebabkan antara lain, kukuhnya kesatuan rakyatnya mengamalkan sistem adatnya. Apabila keharmonian adat itu tercabar oleh rasa tamak haloba di kalangan penganut dan khususnya pemimpinnya akibat ketidakutuhan proses kesinambungan sistem adat (yang diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi), serta dilemahkan pula dengan kemasukan sistem ekonomi kewangan kapitalis dan individualistis (yang berlawanan dengan falsafah sistem adat) bawaan Inggeris, keutuhan kesatuan masyarakatnya mulai goyang. Ini seterusnya telah menggagalkan dasar sistem kenegaraan kerajaan Rembau dan menghilangkan keunikannya. Kerajaan Rembau menjadi serupa dengan keadaan negeri-negeri Melayu lain, iaitu dilanda anarki. Justeru itu, apabila negeri-negeri Melayu lain ditelan Inggeris, kerajaan Rembau yang merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang dinaunginya, juga turut terjajah.

Inggeris mengambil masa tidak kurang daripada 60 tahun untuk menundukkan kerajaan Rembau menerusi penggunaan segala bentuk tipu muslihat termasuk kekuatan senjata. Akhirnya dengan bantuan pembesar negeri-negeri Melayu lain yang telah dinaunginya serta pembesar-pembesar kerajaan Rembau yang telah dipengaruhi, Weld, Gabenor Inggeris pada ketika itu telah mengheret kerajaan Rembau, khususnya Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ke 'mahkamah'. Dengan menggunakan aspek tertentu undang-undang inggeris dan mengintrepetasi undang-undang Adat Perpatih sesuai dengan keperluan pihak Inggeris, Weld yang menjadi 'hakim' dalam mahkamah tersebut telah menggunakan sepenuh kuasanya untuk memecat dan melantik Penghulu Rembau.

Mulai tarikh itu Rembau menghadapi zaman keruntuhannya. Daripada sebuah negeri yang merdeka, bebas dan berdaulat, dalam tempoh tidak lebih dari empat tahun, Rembau telah menjadi sebuah daerah kecil yang bernaung di bawah daerah (Tampin) yang 300 tahun sebelum itu adalah sebahagian daripada kerajaannya. Hari ini Rembau merupakan sebuah daerah kecil dalam kerajaan Negeri Sembilan moden.

PENDAHULUAN

Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sembilan, khususnya YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah memberikan galakan, dorongan dan inspirasi serta perhatian dalam usaha saya menyusun dan menerbitkan buku ini. Tanpa sokongan YAB Tan Sri buku ini tidak mungkin diterbitkan dalam bentuknya sekarang. Kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan, khususnya YB Dato' Seri Utama Tan Sri A. Samad Idris selaku pengerusi dan Tuan Haji Muhammad Tainu, setiausaha, juga diucapkan berbanyak terima kasih kerana sumbangan kewangan untuk pembiayaan penyelidikan bagi menyusun buku ini. Kepada Fuad Hashim, jurugambar yang sanggup mengharung sungai dan meredah belukar membantu saya merakamkan tempat-tempat bersejarah di Rembau juga saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih. Saya juga terhutang budi kepada ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, kawasan Rembau, terutamanya saudara Nordin Awal dan saudara Mohamad Haji Amoi kerana turut bersusah payah menyediakan dan mendapatkan bahan-bahan untuk buku ini sehingga ia dapat diterbitkan seperti keadaannya sekarang. Saya juga merakamkan terima kasih saya kepada individu-individu lain yang tidak dapat disebutkan nama mereka satu persatu di sini kerana terlalu ramai bilangannya, yang telah membantu saya, sama ada secara langsung ataupun tidak dari mula sehingga terbitnya buku ini.

Akhir sekali patut juga saya nyatakan di sini bahawa kebanyakan gambar dalam buku ini mempunyai rakaman sejarahnya sendiri tetapi ^{ada daripadanya} ~~ia tidak~~ ^{tidak} berkait secara ~~langsung~~ langsung dengan teks yang berakhir apabila masuknya penjajah Inggeris di bumi beradat itu. Tujuan ianya dimasukkan adalah untuk merakamkan dan menjadikannya sebagai dokumen sebelum tempat-tempat tersebut hilang dan musnah dimakan oleh proses perubahan dan pembangunan. Tempat-tempat dan kesan-kesan sejarah kerajaan Rembau yang nyata agak sukar ditemui sekarang. Bekas dan kesan-kesan yang masih ada, jika tidak dilakukan sesuatu yang konkrit oleh pihak yang berkuasa, juga akan turut hilang seperti hilangnya kerajaan dan tamadun adat Melayu Rembau.

Campur Tangan Inggeris di Rembau

PADA 4 November 1873, Sir Andrew Clarke telah mengambil alih jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat daripada Sir Harry Ord. Sebelum Clarke meninggalkan England pada 18 September 1873 beliau telah diberi arahan oleh Jabatan Hal-Ehwal Tanah Jajahan. Arahan itu terkandung dalam suatu mesej yang ditulis secara hati-hati dan tersirat dalam prosa panjang, iaitu suatu bentuk penulisan yang biasa di zaman itu. Penggunaan pengaruh British ke atas putera-putera tempatan dicadangkan dengan tujuan untuk menyelamatkan, jikalau boleh, 'negeri-negeri yang subur dan produktif daripada kehancuran seandainya keadaan kucar-kacir yang wujud itu berterusan tanpa sekatan'. Selanjutnya, Gabenor baru itu telah diarahkan supaya menyiasat keadaan di Negeri-negeri Melayu dan melaporkan sama ada pada pendapatnya, sebarang langkah mungkin diambil untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman, dan untuk menjamin perlindungan terhadap perdagangan. Secara khusus, pertimbangan harus diberikan kepada kebijaksanaan melantik seorang pegawai British untuk tinggal di mana-mana negeri, dengan persetujuan penuh daripada kerajaan tempatan. Perlantikan bagi setiap jawatan itu harus dibiayai oleh Negeri-negeri Selat.

Arahan ini bukannya sesuatu yang bersifat revolusionari. Ia dipapari oleh syarat-syarat, dan ia mencadangkan sebelum mengambil sebarang tindakan penyiasatan harus dilakukan dan laporan-laporan harus diberi terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, Clarke menganggap arahan ini sebagai suatu pasport dan penyokong untuk bertindak (Cowan, 1961: 174-5; Kennedy, 1962: 154) campur tangan dalam hal-ehwal negeri-negeri Melayu¹.

Sesampainya ke Singapura, Clarke tidak dapat dengan serta-merta bertindak kerana beliau perlu masa untuk meneliti dokumen yang tidak sedikit bilangannya berkaitan dengan Negeri-negeri Melayu. Sementara menunggu Clarke menyediakan diri dengan pengetahuan, keadaan politik dan perdagangan di Sungai Linggi dan kawasan sekitarnya menjadi semakin tenat. Dalam tempoh masa Clarke memahami dan mendalami pengetahuannya keadaan di Semenanjung Tanah Melayu dan sebelum sampainya surat Haji Sahil (Disember 1783) itu, satu elemen telah bertambah dalam pertelingkahan jawatan Penghulu Rembau, iaitu Tan Kim

mengenai
/

Cheng², seorang pedagang kaya di Singapura telah secara tidak langsung memihak kepada Haji Mustapha. Beliau mungkin, melalui Datuk Kelana Syed Ahman membiayai sebahagian daripada kos perjuangan Haji Mustapha. Orang yang rapat sekali dengan Tan Kim Cheng adalah Datuk Bangsa Balang Haji Abdul Karim, seorang daripada Lembaga Tiang Balai penyokong Haji Mustapha. Bantuan yang diberikan itu telah bermula sejak awal tahun 1873. Haji Abdul Karim bersama rakannya Haji Abdul Hamid, selepas Haji Mustapha dikalahkan oleh Haji Sahil di akhir tahun 1873 telah mencari perlindungan di Singapura.

Sebelum menumpukan perhatian kepada negeri-negeri kecil di sekitar Sungai Linggi, Clarke terpaksa menyelesaikan masalah di Perak terlebih dahulu kerana ia adalah lebih rumit dan bersifat kontroversi. Masalah di Perak melibatkan dua perkara iaitu perebutan kuasa di kalangan para pembesar Melayu dan pergaduhan di antara para pelombong Cina khususnya antara kelompok Ghee Hin dan Hai San. Pada pertengahan bulan Februari 1874, Clarke berjaya mendapatkan dua perjanjian iaitu Perjanjian Pangkor yang meletakkan Perak di bawah pentadbiran seorang Residen British dan Perjanjian Pelombong-pelombong Cina yang menamatkan pergaduhan antara pihak Ghee Hin dan Hai San. Selepas Perak, Clarke menumpukan pula tenaganya ke Selangor. Dalam bulan Februari 1874, Clarke telah berjaya mengadakan suatu perundingan dengan Sultan Abdul Samad dan Tunku Kudin. Perundingan tersebut telah membuka jalan untuk mengadakan perhubungan diplomatik selanjutnya antara Selangor dan pihak Inggeris.

Pada masa yang lebih kurang sama Clarke juga telah merintis jalan untuk menyelesaikan masalah di kawasan Sungai Linggi. Pada 13 Februari 1874, Clarke telah mengutus surat kepada Haji Sahil, Haji Mustapha, Datuk Kelana Syed Ahman, Datuk Syahbandar Tunggal (atau nama sebenarnya Abdullah bin Ahmad dan terkenal juga dengan nama Manja Khatib) dan Datuk Muda Haji Muhammad Ferghal (Muhammad Perau) Linggi berserta beberapa orang besar masing-masing menjemput mereka hadir ke Singapura. Jika mereka tidak dapat datang, Clarke meminta mereka menghantar wakil yang faham betul tentang keadaan dan dengan itu berkemampuan memberikan maklumat penuh tentang negeri dan masalah masing-masing kepada Kerajaan Inggeris.

Sementara itu, dalam bulan Mac, para pedagang dan ahli perniagaan di Melaka melalui jasa baik Shaw Leftenan Gabenor Melaka, berjaya menjemput Haji Sahil, Datuk Kelana dan Datuk Muda Linggi untuk mengadakan perundingan di Melaka. Hasil daripada pertemuan itu, pada 28 Mac suatu persetujuan awal telah dicapai. Ketiga-tiga orang pembesar itu bersetuju membahagikan hasil kutipan perdagangan di Sungai Linggi sama rata di antara empat orang pembesar. Pembesar keempat yang mendapat bahagian ialah Datuk Syahbandar Tunggal. Mereka juga bersetuju

untuk menyerahkan Simpang kepada pihak British yang akan membina sebuah balai polis di situ.

Selepas perundingan awal ini mereka sepatutnya pergi ke Singapura menemui Gabenor Clarke menyambut surat jemputan yang bertarikh 13 Februari itu. Hanya Datuk Kelana dan Datuk Muda Linggi sahaja yang pergi. Para pembesar lain yang dijemput, Haji Sahil, Haji Mustapha dan Datuk Syahbandar hanya menghantarkan wakil. (Besar kemungkinan wakil Haji Mustapha ialah Datuk Bangsa Balang Haji Abdul Karim). Dalam pertemuan itu Clarke telah memperoleh maklumat terkini tentang perkembangan politik di Sungai Linggi terutama sekali tentang pertelingkahan jawatan Penghulu Rembau, termasuk hasil perundingan awal di Melaka. Mengikut wakil Haji Sahil, tujuan utama Haji Sahil pada peringkat itu adalah untuk mendapat pengiktirafan pihak British bahawa beliau adalah Penghulu Rembau. Tetapi Clarke tidak mahu memberikan pengiktirafan begitu sahaja. Beliau menyatakan bahawa pengiktirafan Haji Sahil itu haruslah menjadi sebahagian daripada persetujuan umum yang akan melibatkan pembukaan semula Sungai Linggi kepada lalu lintas perdagangan (Parkinson, 1964: 171). Bayangan yang diperolehi oleh Clarke hasil maklumat daripada pertemuan itu ialah pertikaian antara Rembau dengan Sungai Ujong akan berakhir. Di samping itu Clarke juga membayangkan pengiktirafan Haji Sahil sebagai Penghulu Rembau kerana jaminan beliau tentang kebebasan perdagangan di Sungai

← Linggi (Cowan, 1961: 195). Namun kesemuanya itu hanya suatu impian sahaja.

Semasa Datuk Kelana dan Datuk Muda Linggi berada di Singapura, pada awal bulan April orang Rembau telah melakukan satu kekacauan di Sungai Linggi. Mereka telah menahan perahu yang melalui sungai tersebut di Bukit Tiga. Berita ini telah sampai ke Singapura dua minggu selepas ia berlaku iaitu pada 18 April 1874 (Cowan, 1961: 195). Perlakuan orang Rembau itu telah mewujudkan suatu keadaan krisis. Datuk Kelana Syed Ahman dengan itu meminta campur tangan British dan menyelesaikan buat kali terakhir masalah sempadan antara Sungai Ujong, Rembau dan Selangor supaya tidak lagi berlaku pertelingkahan tentang sungai tersebut.

Clarke telah menulis surat keras memberitahu Haji Sahil bahawa beliau telah mungkir janji. Ini dilakukannya pula semasa Kerajaan British sedang berusaha menyelesaikan masalah Sungai Linggi. Dengan itu Clarke meminta Haji Sahil membersihkan Sungai Linggi daripada kegiatan mencukai di samping menghantar laporan kepada Gabenor tentang keadaan dalam Kerajaan Rembau. Sementara menunggu jawapan daripada Haji Sahil, perundingan dengan Datuk Kelana diteruskan. Akhirnya pada 21 April 1874 Datuk Kelana telah membuat dan menandatangani suatu perjanjian dengan Kerajaan British³. Perjanjian ini memberikan kunci kepada pihak Inggeris untuk bertindak menyelesaikan buat kali terakhir perbalahan antara Rembau dan Sungai Ujong.

Berikutan dengan itu Clarke telah menulis surat kepada Haji Sahil, Haji Mustapha, dan pembesar-pembesar Sungai Ujong 'memerintahkan' mereka menemuinya pada pagi 2 Mei 1874 di Kuala Linggi⁴. Shaw telah menghantar surat kepada Datuk Muda Linggi memberitahunya tentang perjumpaan yang dicadangkan itu. Surat tersebut telah dihantar dengan sebuah kapal polis. Dalam pelayaran balik dari Linggi kapal tersebut telah diserang (Chelliah, 1955: 26). Serangan itu telah memberikan Clarke peluang yang sesuai untuk bertindak.

Pada 30 April Clark telah belayar meninggalkan Singapura untuk menghadiri temujanji itu dengan menaiki K.D. *Charybdis* bersama Kapten T.E. Smith. Beliau telah diiringi oleh Braddell dan Leftenan Brackenbury. Rombongan Clarke ini disambut oleh Shaw, Leftenan Gabenor Melaka yang menaiki K.D. *Avon* di Sungai Linggi. Ketibaan Clarke dan rombongan di tempat yang dijanjikan hanya ditunggu oleh Datuk Kelana dan para pembesarnya. Haji Sahil tidak hadir tetapi menghantar surat menyatakan beliau tidak sihat (Cowan, 1961: 197). Clarke percaya bukan keuzuran yang menghalang kehadiran Haji Sahil tetapi halangan daripada 'ketua-ketua perompak' yang berkepentingan di Sungai Linggi. Clarke telah menetapkan suatu temujanji baru pada 5 Mei. Kali ini diadakan di Simpang, tempat yang lebih hampir dengan kediaman Haji

Sahil.

Pada 3 Mei sekali lagi Haji Sahil menyatakan ketidakbolehannya hadir dalam temujanji baru itu. Tetapi kali ini beliau memberi maklumat bahawa kubu-kubu di Sungai Linggi itu bukan kepunyaannya (Parkinson, 1964: 171). Haji Sahil juga menyatakan bahawa kubu-kubu tersebut telah dikuasai oleh bekas pengikut upahannya dari Sumatera semasa berperang dengan Haji Mustapha dahulu. Mereka itu tidak lagi mahu mengikut perintahnya. Selain daripada orang Sumatera itu, kubu-kubu tersebut dikuasai oleh bekas pengikut Haji Mustapha, termasuk seorang anak Datuk Syahbandar Sungai Ujung (Cowan, 1961: 197). Dengan itu nyatalah bahawa Haji Sahil tidak berkuasa di kubu-kubu tersebut. Para pembesar yang membantunya semasa perebutan pusaka penghulu dahulu telah mengambil alih kuasa di kubu-kubu tersebut dan mereka menentang sebarang tindakan yang dibuat. Fakta ini telah diperkuatkan oleh berita yang disampaikan pada masa yang sama menyatakan serombongan polis Melaka dalam menjalankan tugas membawa surat untuk Datuk Syahbandar telah diserang dan dirompak wang tunai sebanyak \$600 di satu kubu berhampiran dengan Permatang Pasir (Parkinson, 1964: 171).

Datuk Kelana yang menerima tanggungjawab memastikan Sungai Linggi itu terbuka kepada lalu lintas perdagangan telah meminta bantuan pihak Inggeris untuk memusnahkan kubu Bukit Tiga. Pada jam 1.30 pagi, 4 Mei, Gabenor Clarke dengan diiringi oleh Kapten Smith (K.D. Charybdis), Shaw Leftenan Gabenor Melaka, Braddell Peguam Negeri-negeri Selat, Komander Powell (K.D. Avon) dan Datuk Kelana Syed Ahman telah memudiki Sungai Linggi menuju ke Bukit Tiga. Lebih kurang pada jam 4.30 pagi mereka sampai ke kubu tersebut yang kemudiannya dibakar dan dimusnahkan. Semasa belayar balik ke Simpang pada pagi itu sebuah lagi kubu dimusnahkan (Chelliah, 1955:27-28). Pada 7 Mei Clarke meninggalkan Sungai Linggi dan sampai di Singapura pada pagi 8 Mei (Parkinson, 1964: 172). Dengan itu keadaan di Sungai Linggi menjadi aman. Dua hari selepas peristiwa itu (pada 6 Mei) tujuh buah perahu penuh dengan muatan bijih timah bernilai \$50,000 telah menghidari sungai itu ke Melaka dengan selamat (Cowan, 1961: 197).

Tidak lama selepas itu, Clarke telah mengiktiraf Haji Sahil sebagai Penghulu Rembau. Beliau percaya keamanan di sekitar Sungai Linggi sudah terjamin (Parkinson, 1964: 172). Dalam laporan kepada Pemangku Setiausaha Tanah Jajahan bagi Negeri-Negeri Selat, bertarikh 10 Mei, Datuk Kelana Syed Ahman antara lain memberitahu bahawa orang Rembau berada dalam keadaan tenang. Clarke pula dalam laporannya kepada Carnarvon, Setiausaha bagi Tanah Jajahan menyatakan Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ingin mencapai persefahaman dengan pihak Inggeris dan berminat untuk membukakan negerinya bagi perdagangan (Chelliah, 1955: 29).

Dalam pertengahan bahagian kedua tahun 1874, Rembau adalah sebuah negeri aman ketidakgiatan. Datuk Haji Sahil berhasrat sekali untuk mengekalkan perhubungan baik dengan Kerajaan Negeri-negeri Selat. Beliau juga berusaha untuk mengubah haluan tenaga rakyat Rembau daripada melakukan kegiatan 'haram' kepada yang halal dan menguntungkan. Namun beliau mendapati tugasnya itu amat berat.

Di sekitar tahun 1870-an Rembau adalah salah sebuah negeri di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang padat penduduknya. Pegawai British menganggarkan penduduk Rembau berjumlah tidak kurang daripada 10,000 orang, dan kesemuanya terdiri daripada orang Melayu. Sebaliknya pula, dari segi ekonomi pada tahun tersebut, Rembau juga merupakan salah sebuah negeri termiskin di Semenanjung. Hasil pengeluaran Rembau hanyalah beras/padi dan buah-buahan. Bumi Rembau mengandungi bijih timah tetapi dari kawasan berbijih itu tidak ada jalan sungai yang boleh dilalui, dan pembiayaan membawa bijih timah keluar melebihi kos pengerjaannya. Rakyat Rembau telah cuba menanam lada hitam, kopi dan tembakau tetapi tidak berjaya. Satu-satunya hasil pendapatan yang diperolehi oleh Datuk Haji Sahil adalah daripada pungutan denda. Pendapatan ini boleh ditambah lagi dengan menaikkan cukai ke atas padi/beras dan mengenakan cukai kepala. Ini tidak dilakukan oleh Datuk Haji Sahil kerana akan menyusahkan lagi rakyat, tambahan pula, walaupun dikenakan cukai tersebut, keperluan wang untuk pembangunan masih tidak mencukupi.

Pendapatan Kerajaan Rembau yang sedikit ini telah merumitkan Datuk Haji Sahil. Beliau bersungguh-sungguh berusaha memperbaiki negerinya dengan mengadakan jalan, membina jambatan, serta melakukan kerja awam lain, tetapi beliau dan kerajaannya tidak mampu melakukannya. Di samping itu, Datuk Haji Sahil juga terpaksa berhadapan dengan masalah sosial lain, terutama sekali masalah 'pendatang haram'. Rembau sejak bertahun-tahun sebelum itu telah menjadi tempat perlindungan penjenayah Negeri-negeri Selat yang berjaya melarikan diri daripada tahanan, raja dan pembesar daripada negeri jiran yang putus asa dan tidak puas hati merebut jawatan tertentu, serta hamba yang lari. Kesemua ini dan beberapa sebab lain menyulitkan Datuk Lela Maharaja Haji Sahil untuk membangunkan negeri Rembau seperti yang dikehendaknya (Swettenham, 1880: 196-7).

pada
L Keadaan aman dan tidak aktif ini tidak pula bermakna Rembau menutup dirinya daripada pergolakan politik di sekitarnya. Lebih kurang akhir September atau awal Oktober 1874 Datuk Haji Sahil bersama dengan Tunku Kudin telah membuat persetiaan dengan Datuk Kelana Syed Ahman untuk melindungi keamanan di Sungai Ujong dan akan bertindak ke atas barang siapa yang mengancam keamanan tersebut (Abdullah Zakaria, 1990: 23; 1992: 67). Namun ini tidak berarti Datuk Haji Sahil da-

pat melarang orang Rembau yang berkepentingan peribadi melibatkan diri dalam Perang Saudara—antara Datuk Syahbandar dengan Datuk Kelana—di Sungai Ujong di akhir tahun 1874. Justeru itu, pada bulan November 1874, W.A. Pickering melaporkan bahawa orang Rembau telah bersama membantu Datuk Syahbandar Tunggal menawan semula Rasah daripada tangan para pengikut Datuk Kelana Syed Ahman (Abdullah Zakaria, 1990: 26; 1992: 69).

Dalam tahun 1875 Tunku Antah telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar. Dalam perjumpaan para pembesar Negeri Sembilan untuk melantik dan menabalkan Tunku Antah itu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil⁵, Penghulu Rembau bersama dengan Datuk Wan Eto Rubah (Datuk Saeto) Penghulu Johol serta para Penghulu Ulu Muar, Terachi, Jempol, dan Pasir Gudang telah hadir. Walaupun dijemput, Datuk Kelana Syed Ahman tidak hadir. Pensejarahan Negeri Sembilan agak kabur tentang Penghulu Jelebu; tidak dipastikan sama ada hadir atau tidak di majlis tersebut⁶. Kehadiran Datuk Haji Sahil dalam majlis tersebut secara tidak langsung menunjukkan sikap dan pendiriannya terhadap pihak Inggeris.

Sebagai dinyatakan di awal bab ini, pada sekitar bulan September 1874 Datuk Haji Sahil telahpun membuat persetiaan dengan Datuk Kelana Syed Ahman untuk melindungi Sungai Ujong dan bertindak ke atas sesiapa yang mengacau keamanan Sungai Ujong. Tetapi, tindakannya menyokong Tunku Antah jelas bertentangan dengan semangat 'persetujuan dan persetiannya' itu. Dengan menyokong Tunku Antah, secara tidak langsung Datuk Haji Sahil menyokong musuh Datuk Kelana Syed Ahman kerana Datuk Kelana adalah penyokong kuat Tunku Ahmad Tunggal iaitu pencabar Tunku Antah untuk jawatan Yang Dipertuan Besar. Kemudian, atas keengganan Datuk Kelana hadir dalam majlis itu 'Tunku Antah dan para pembesar lain telah melucutkan pusaka Datuk Kelana daripada Syed Ahman. Mereka bersetuju mengakui Laksamana Sungai Ujong sebagai Datuk Kelana Putera yang baru' (Sherifa Khan, 1986: 24; Abdullah Zakaria, 1992: 73). Oleh sebab Datuk Haji Sahil berada dalam majlis itu bermakna beliau juga berserta 'melucutkan' pusaka Datuk Kelana daripada Syed Ahman, dan melantik Laksamana sebagai Datuk Kelana baru.

Kesanggupan Datuk Haji Sahil membelakangkan dan memungkir 'persetiannya' itu adalah kerana beliau tidak mengkagumi kekuasaan British seperti Datuk Kelana Syed Ahman, malahan sebaliknya. Keadaan ini jelas ditunjukkan semasa Perang Saudara di Sungai Ujong di mana, walaupun Datuk Haji Sahil tidak terlibat secara langsung tetapi orang Rembau telah memihak kepada Datuk Syahbandar Tunggal. Datuk Syahbandar Tunggal memerangi dan diperangi oleh Datuk Kelana kerana keengganan beliau menerima kekuasaan dan menghormati (bendera) Inggeris di Sungai Ujong serta tidak mahu menandatangani serta menurunkan cap mohornya pada surat perjanjian 21 April 1874. Situasi dalam perlantikan Tunku

Antah itu juga hampir serupa. Pencabar Tunku Antah, Tunku Ahmad Tunggal adalah calon Datuk Kelana dan disukai pihak Inggeris. Jervois, Gabenor Negeri-negeri Selat yang menggantikan Clarke pada 10 Mei 1875 enggan mengakui Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar (Sherifa Khan, 1986: 24). Jadi dalam krisis perlantikan Yang Dipertuan Besar ini juga Datuk Haji Sahil memihak kepada orang yang ditentang oleh dan menentang pihak Inggeris.

Daripada huraian di atas jelas bahawa Datuk Haji Sahil mempunyai sikap tidak sukakan Inggeris, hanya beliau tidak menampakkannya secara nyata. Untuk bersama menentang kuasa penjajah, yang beliau sendiri tidak mampu melakukannya, beliau sanggup memungkiri janji persetiannya dengan Datuk Kelana Syed Ahman. Beliau juga turut bersama 'memecat' Datuk Kelana Syed Ahman (yang pernah menjadi musuhnya di sepanjang tahun 1873) dan selanjutnya 'melantik' Datuk Kelana baru walaupun menyedari bahawa dari segi politik adat beliau, dan juga para penghulu lain serta Yang Dipertuan Besar tidak berkuasa dan berhak memecat dan melantik Datuk Kelana Sungai Ujong⁷.

Di akhir tahun 1875, perang telah meletus antara Datuk Kelana Syed Ahman yang dibantu pihak Inggeris dengan Tunku Antah. Perang ini terkenal dengan nama 'Perang Bukit Putus'. Di masa kedua-dua belah pihak membuat persiapan iaitu dalam bulan November, Datuk Haji Sahil tidak campur tangan. Beliau membawa polisi 'pandang dan lihat'. Beliau ingin menyaksikan keputusan pertempuran awal peperangan itu. Seandainya kemenangan berada di pihak Tunku Antah besar kemungkinan beliau akan menyokongnya; dan tidak jika sebaliknya. Sikap dan pendirian Datuk Haji Sahil ini juga telah diikuti oleh Penghulu Jelesu dan Johol serta Tunku Besar Tampin (Gullick, 1954: 8; Abdullah Zakaria⁸, 1992: 76).

Dalam peperangan ini, walaupun Datuk Lela Maharaja Haji Sahil secara peribadi tidak terlibat namun mengikut laporan penyokong Datuk Kelana, ramai orang Rembau yang berkumpul bersama pasukan Tunku Antah di Terachi (Parkinson, 1964: 274). Dalam hal ini kedudukan Datuk Haji Sahil sama sahaja seperti masa Perang Saudara di Sungai Ujong. Pihak British tidak dapat memastikan sama ada penglibatan orang Rembau ini mend⁹ at restu atau arahan daripada Datuk Haji Sahil. Dalam kedua-dua perang itu Datuk Haji Sahil hanya duduk di atas pagar. Beberapa peristiwa berikutnya dalam Perang Bukit Putus itu menunjukkan bahawa kemenangan pasti berada di pihak Inggeris. Untuk menjaga kepentingan dirinya dan juga Kerajaan Rembau daripada tindakan pihak British selepas perang tamat, yang memungkinkannya Kerajaan Rembau menerima nasib yang serupa dengan Sungai Ujong dan Perak maka pada 10 Disember 1875, Datuk Haji Sahil telah menulis surat kepada Leftenan Gabenor Melaka menerangkan kedudukannya dalam perang itu. Antara lain katanya:

Kami tidak suka masuk campur dalam hal-ehwal orang lain. Kami dengan ini memberitahu sahabat kami, dan kami minta sahabat kami memberitahu pihak Gabenor tentangnya, supaya tidak timbul masalah atau kesalahan yang boleh dituduhkan terhadap kami di kemudian hari kelak.

Di samping itu beliau juga mengisytiharkan bahawa rakyat Rembau yang terbukti terlibat dalam peperangan itu akan dikenakan hukum bunuh (Sherifa Khan, 1986: 37-38). Pada pertengahan Disember 1875, Kolonel E.H. Anson, mewakili Gabenor Negeri-negeri Selat telah mengutus surat kepada Datuk Haji Sahil mengucapkan terima kasih pihak British atas dasar kejiiranannya itu (Abdullah Zakaria, 1992: 79).

Perang Tunku Antah tamat pada 26 disember 1875 dengan kekalahan di pihak Tunku Antah. Pada awal Januari 1876 Datuk Haji Sahil telah dijemput ke Melaka untuk merundingkan tentang kedudukan pusaka Yang Dipertuan Besar. Di samping Datuk Haji Sahil, Datuk Kelana Syed Ahman (Sherifa Khan, 1986: 31) dan Datuk Wan Eto Rubah Johol (Winstedt, 1934: 72) juga dijemput. Perundingan/lebih tepat dikatakan perbincangan mencari fakta dan maklumat itu bermula pada 15 Januari. Pertemuan pada hari pertama itu adalah antara para pegawai British sahaja. Mereka terdiri daripada Gabenor Jervois, dua orang Peguam Negara—Braddeh dan Phillippo, Plunket Pemangku Leftenan Gabenor Melaka, Davidson Residen Inggeris Perak, dan Murray Residen Inggeris Sungai Ujong. Para Penghulu Rembau, Sungai Ujong dan Johol hanya dibawa berunding pada 18 Januari.

Dalam pertemuan itu Jervois telah mengemukakan beberapa cadangan. Antaranya ialah melantik seorang luar, iaitu Sultan Ali dari Muar menjadi Yang Dipertuan Besar. Cadangan ini ditolak keras oleh ketiga-tiga orang penghulu itu, malahan jika pihak British mahu memaksakan juga perlantikan itu, mereka mengancam membatalkan rancangan mereka untuk membuat perjanjian persahabatan dengan pihak British. Datuk Haji Sahil pergi lebih lanjut lagi dengan menyatakan bahawa Sultan Ali lebih tidak berguna daripada batang kelapa (Winstedt, 1934: 72). Daripada temu bual selanjutnya, Jervois merumuskan bahawa para penghulu tersebut ^{atau} suka pusaka Yang Dipertuan Besar itu dimansuhkan sahaja. Pihak Inggeris pula berpendapat pusaka Yang Dipertuan Besar itu adalah punca perbalahan. (Sherifa Khan, 1986: 31).

Kelemahan pertemuan itu ialah hanya dua orang (Sherifa Khan) atau tiga orang (Winstedt) daripada sembilan atau sekurang-kurangnya empat orang penghulu utama sahaja yang ditemu bual. Keputusan yang diberikan oleh para penghulu tersebut tidak boleh dikatakan sebagai kebulatan para Penghulu Negeri Sembilan. Mengikut Perlembagaan Adat keputusan mereka adalah tidak. Bagaimanapun perundingan itu telah ditangguhkan tanpa mencapai sebarang keputusan muktamad (Parkinson, 1964: 288; Sherifa Khan, 1986: 31).

Untuk menstabilkan keadaan di Negeri Sembilan berikutan dengan kegagalan mendapatkan satu penyelesaian dalam pertemuan 15-18 Januari itu, Jervois telah mengemukakan dua cadangan kepada Jabatan Tanah Jajahan pada bulan April 1876. Cadangan tersebut adalah:

1. Melantik Tunku Ahmad Tunggal calon Yang Dipertuan Besar yang kurang popular di kalangan pembesar Negeri Sembilan tetapi disukai oleh pihak Inggeris sebagai 'Kapitan Melayu' di Seri Menanti, Terachi, Ulu Muar dan Jempul. Seorang pegawai British ditempatkan di situ untuk membantunya mentadbir dan menjaga ketenteraman di wilayah berkenaan.
2. Membuat perjanjian persahabatan dengan Rembau, Jelebu dan Johol. Oleh sebab Rembau dan Jelebu mempunyai sempadan bersama dengan wilayah kekuasaan Inggeris, perjanjian itu dapat membantu menyekat negeri-negeri tersebut daripada dijadikan tempat perlindungan bagi penjenayah dan orang politik yang tidak puas hati. Beliau percaya perjanjian seperti ini, disokong pula oleh bayaran subsidi sudah memadai untuk menjamin kerjasama yang lebih daripada para penghulu negeri-negeri tersebut dalam usaha pihak Inggeris hendak mengekalkan keamanan (Thio, 1969: xxii-xiii).

Bagaimanapun Pejabat Tanah tidak mempersetujui cadangan Jervois itu.

Keputusan Pejabat Tanah Jajahan ini telah mengikat Jervois untuk bertindak mengikut rancangannya. Beliau telah memikirkan dan merencana cara lain untuk menyelesaikan masalah 'pergolakan sempadan' di Negeri Sembilan. Keputusan yang dicapainya ialah: tindakan yang bakal diambilnya dalam menyelesaikan masalah di Negeri Sembilan ini adalah dengan mengambil contoh daripada tindakan pihak British di India dan di Afrika Timur, khususnya di Zanzibar. Untuk melaksanakan rancangannya itu beliau perlu mencari seorang pembesar tempatan yang boleh dan mahu bekerjasama dengan pihak Inggeris. Pihak Inggeris akan membantu pembesar berkenaan meluaskan pengaruhnya ke atas negeri-negeri jirannya. Apabila ini berlaku, pembesar berkenaan dengan pihak Inggeris menjadi dalang di belakangnya akan 'mengatur' perjalanan politik negeri berkenaan. Jervois telah dapat mengenal pasti orang yang bakal diperalatkannya untuk mencapai matlamatnya itu: meluaskan pengaruh British ke atas Negeri Sembilan secara informal dan tidak langsung, iaitu Maharaja Abu Bakar Johor.

Di kalangan raja-raja Melayu pada masa itu, British percaya bahawa tiada seorang pun daripada mereka yang boleh menandingi Maharaja Abu Bakar dari segi kebolehan am dan pentadbiran. Lebih penting lagi ialah beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan British dan juga dengan para pembesar Melayu. Atas dasar ini Maharaja Abu Bakar adalah orang yang paling layak dijadikan alat untuk melaksanakan polisi Inggeris

(Sangsoera) Lembaga Yang Empat Di Baruh iaitu Gempa Maharaja, Marabangsa, Sam-sura (Sangsoera) Pahlawan dan Bangsa (de) Balang (Newbold II, 1839: 444). Betawi enggan mengesahkan perjanjian baru tersebut, tetapi masih mengekalkan suatu bentuk penguasaan yang tidak jelas ke atas para pembesar Rembau (Mills, 1960: 94).

Dokumen Perjanjian Belanda dengan Rembau tahun 1819 dengan jelas menyatakan bahawa dalam bulan Jun tahun tersebut Raja Ali telah memberi sokongan kepada orang yang beberapa bulan sebelum itu ditentangnya. Dokumen ini juga memberitahu bahawa para lembaga yang turut menandatangani perjanjian tersebut adalah Lembaga Yang Empat Di Baruh. Lembaga Yang Empat Di Darat, iaitu badan yang diwujudkan sendiri oleh Raja Ali, tidak terlibat dalam perundingan dan menandatangani dokumen perjanjian tersebut. Pengenepian Lembaga Yang Empat Di Darat oleh Raja Ali dalam perjanjian ini telah menyakitkan hati mereka (Braddell, 1856: 229) dan menimbulkan suasana tegang antara kedua-dua wilayah Rembau itu.

Daripada huraian di atas kita lihat bagaimana Raja Ali terlibat secara langsung dan aktif dalam arena politik Rembau selepas lebih kurang satu dasawarsa berdiam diri. Penglibatannya telah membawa beberapa perubahan dan perbalahan serta konflik di kalangan para pembesar Kerajaan Rembau. Raja Ali juga, mungkin kerana darah Bugis yang berkebudayaan 'siri' masih kuat dalam dirinya, dalam penglibatannya dalam hal-ehwal Kerajaan Rembau telah bersifat angkuh dan licik serta bercita-cita tinggi dan agresif. Dengan sifat dan bakatnya Raja Ali berjaya menguasai Rembau (yang akan berlanjutan untuk lebih kurang 20 tahun) dan telah memperkukuhkan serta memperkuatkan kuasa dan kewibawaan jabatan Yang Dipertuan Muda sehingga ia menjadi suatu ancaman yang ketara kepada kedudukan Penghulu. Intisari kepada kaedah pentadbiran Raja Ali meletakkan Penghulu dan para Lembaganya (Gullick, 1976: 26).

Satu lagi anasir yang mungkin bersifat negatif yang datang seiring dengan menonjolnya perwatakan dan berikutan dengan kekuasaan Raja Ali dalam arena politik Rembau ialah sifat mementingkan diri sendiri di kalangan para pemimpin Rembau. Ini tidak bermakna bahawa sifat dan sikap ini tidak wujud di masa-masa sebelum itu, tetapi tidak secara terbuka dan akan ditekankan jikalau ada. Segala perselisihan sering dimuafatkan dengan semangat bekerjasama tanpa konflik yang berterusan. Tetapi mulai tahun 1819 atau beberapa tahun sebelum itu (mungkin sejak penubuhan Ikatan Lembaga Yang Empat Di Darat), keadaan dan suasana kepimpinan politik Rembau berubah corak. Contoh yang paling ketara ialah untuk beberapa tahun (mungkin sehingga 1820-an), Rembau mempunyai dua orang penghulu dalam masa yang sama. Seorang ialah Datuk Lela Maharaja Ngonit iaitu penghulu yang rasmi dan sah, dan Pakat (Datuk Sedia Raja). Setiap seorang mempunyai pengikut dan penyokong.

di Negeri Sembilan. Di samping itu, Maharaja Abu Bakar sendiri berhasrat sekali untuk berhubungan dengan Negeri Sembilan. Beliau bercita-cita untuk memulihkan perhubungan ketuanan Johor ke atas Negeri Sembilan yang telah putus sejak awal abad ke-18. Selanjutnya, dari segi peribadinya, Maharaja Abu Bakar adalah seorang yang sentiasa mencari peluang baru untuk mengagungkan lagi kedudukan diri sendiri. Cadangan pihak British untuk menjadikannya 'egen' itu sesuai sekali dengan sifatnya itu. Ia bukan sahaja memenuhi kepentingan pihak British tetapi juga dirinya sendiri. Dengan itu Kerajaan Inggeris telah memberikannya status perjanjian di Negeri Sembilan supaya Gabenor boleh menasihatinya dalam hal-ehwal yang sukar diatasi (Thio, 1969: xxi-xxv).

Tugas pertama Maharaja Abu Bakar adalah menyelesaikan masalah Tunku Antah. Tugas ini telah dilaksanakannya dengan baik. Beliau berjaya membawa Tunku Antah bersama para Penghulu Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas dan Ulu Muar, serta Penghulu Johol ke Singapura dan menandatangani suatu Perjanjian⁹ di *Government House* pada 23 November 1876. Dengan itu berakhir krisis Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.

Datuk Haji Sahil telah dimaklumkan¹⁰ tentang Perjanjian tersebut. Melalui 'Perkara III' Perjanjian itu, kedaulatan Kerajaan Rembau diakui dan terjamin bahkan oleh Yang Dipertuan Besar Seri Menanti, Tunku Antah sendiri. Datuk Haji Sahil telah memaklumkan kepada pihak British rasa puas hatinya terhadap Perjanjian itu dan persetujuannya tentang susunan baru itu¹¹. Berikutan dengan itu, dalam satu suratnya kepada Gabenor Jervois, bertarikh 12 Disember 1876, Datuk Haji Sahil antara lain, dan dengan menggunakan kata-kata lembut telah menuntut bahawa 'Gunung Pasir itu adalah di bawah pemerintahan Rembau' (Sherifa Khan, 1986: 35 nota kaki). Atas 'tuntutannya' itu, setakat yang diketahui, tidak ada tindak balas daripada pihak British; dan Datuk Haji Sahil pun tidak membangkitkan semula isu itu.

Menjelang akhir tahun 1876 dan awal 1877 kedudukan Datuk Haji Sahil sebagai penghulu telah goncang. Para Datuk Lembaga Tiang Balai Rembau tidak pu~~l~~ati dengan cara pentadbiran Datuk Haji Sahil atas beberapa sebab tertentu, seperti perbuatan beliau membelakangkan Lembaga ~~Tiang~~ ^{L. Tiang} Balai semasa berunding dengan pihak Inggeris di Melaka (Januari 1876) dan menuntut hak ke atas Gunung Pasir (Disember 1876) yang boleh membawa Kerajaan Rembau ke dalam kancah peperangan. Datuk Haji Sahil perlu menguatkan kedudukannya semula dan keadaan di tahun 1877 ini berbeza sekali daripada keadaan 1873 dahulu.

Salah satu cara bagi Datuk Haji Sahil memulihkan kewibawaannya di kalangan para pembesar Rembau adalah dengan mendapat sokongan daripada orang luar. Peluang ini timbul apabila Maharaja Abu Bakar yang sedang melaksanakan tugas untuk memujuk Datuk Haji Sahil atas per-

mintaan pihak British, datang ke tempat kediaman Datuk Haji Sahil di Kampung Nerasau di awal tahun 1877. Pertemuan kedua-dua orang pemimpin itu tepat pada masanya dan walaupun setiap orang mempunyai kepentingan tersendiri, namun kedua-duanya itu saling melengkapi.

Antara kedua-duanya itu, kepentingan dan keperluan Datuk Haji Sahil adalah lebih besar kerana kegagalan mendapatkannya bererti kedudukan sebagai Penghulu Rembau akan terjejas. Selain keperluan mengekalkan jawatan, Datuk Haji Sahil juga memerlukan wang (Sherifa Khan, 1986: 38). Sebaliknya, kepentingan Maharaja Abu Bakar hanya untuk mengagungkan diri sendiri di samping melaksanakan tugas yang diberikan oleh British. Jika pun beliau gagal, kedudukan dan kewibawaannya tidak terjejas barang sedikit pun. Keterdesakan Datuk Haji Sahil ini telah dipergunakan semaksimumnya oleh Maharaja Abu Bakar, bukan sahaja untuk melaksanakan kehendak pihak British tetapi juga (mungkin diberi keutamaan) menjadikan cita-citanya (iaitu mengembalikan status ketuanan Johor ke atas Kerajaan Rembau) suatu kenyataan. Dalam keadaan Datuk Haji Sahil yang terdesak itu, dan melihat kepada tindak-tanduknya (yang lebih agresif dan agak zalim) selepas pertemuannya dengan Maharaja Abu Bakar itu, nyata Maharaja tersebut telah memberi keutamaan kepada mencapai cita-cita peribadinya. Ada kemungkinan, malahan kita tidak dapat lari daripada merumuskan, beliau secara tidak langsung telah 'mengugut' Datuk Haji Sahil untuk mendapatkannya.

Apa yang mereka rundingkan semasa pertemuan di Kampung Nerasau itu masih menjadi rahsia sejarah. Namun di akhir pertemuan itu, Datuk Haji Sahil bersetuju menandatangani suatu perjanjian dengan pihak Inggeris melalui Maharaja Abu Bakar yang boleh melakukannya atas kuasanya statusnya sebagai 'wakil perjanjian' pihak Inggeris. Pada 31 Mac 1877 satu perjanjian telah ditandatangani antara Rembau dan pihak British. Walau bagaimanapun, perjanjian itu tidak sah kerana Datuk Haji Sahil gagal mendapatkan persetujuan dan tandatangan Lembaga Tiang Balai ke atas dokumen berkenaan (Parr dan Mackray, 1910: 22).

Jika dilihat secara teliti, perjanjian Mac 1877 itu tidak melibatkan Kerajaan Rembau. Ianya lebih merupakan suatu perjanjian peribadi antara Datuk Haji Sahil dengan pihak British dan Maharaja Abu Bakar Johor. Untuk gambaran jelas di bawah diturunkan semula Perjanjian itu, terjemahan daripada teks Maxwell dan Gibson (1924: 48-49) yang pula telah menterjemahkannya daripada naskhah asal dalam bahasa Melayu.

31hb. Mac 1877

Manakala pada tarikh yang tersebut di atas saya, Datuk Rembau Lela Maharaja, datang dan menghadirkan diri di hadapan Tuan Yang Terutama Gabenor Negeri-negeri Selat untuk membuat perjanjian ini bagi memberikan keamanan dan kedamaian kepada negeri yang saya perintah.

(2) Saya ingin tinggal dengan baik di negeri saya sendiri, dan saya berikrar tidak akan menimbulkan huruhara ke atas negeri-negeri jiran iaitu Sungai Ujong, Jekebu, Seri Menanti, Jempul, Johol, dan tempat-tempat lain yang bergabung dengan Seri Menanti, dan di bawah pemerintahan Yamtuan Antah.

(3) Dan saya juga mengisytiharkan bahawa jika orang-orang baik ingin berniaga di negeri saya sama ada Melayu, Cina atau bangsa-bangsa lain mereka boleh berbuat begitu secara bebas dan mereka tidak akan dianiaya oleh saya.

(4) Dan saya juga berjanji bahawa jika timbul sebarang pertikaian dalam negeri saya sendiri atau dalam negeri-negeri jiran yang saya tidak dapat menyelesaikan, saya ingin untuk meminta nasihat dan arahan daripada Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor.

(t.t.) (tulisan Rumi) V
W.M.F. DRUMMOND JEROIS JERVOIS
(t.t.) (tulisan Rumi) JAWI
ABU BAKAR
Maharaja Johor
(t.t.) (tulisan Rumi) JAWI
HAJI SAEL.

Memihat teks perjanjian (terjemahan) di atas jelas bahawa ianya berbeza daripada teks perjanjian lain yang pernah dibuat oleh Kerajaan Rembau. Perjanjian Mac 1877 itu daripada bahagian mukadimahnyanya sehingga ayat akhir, setiap perkara yang dipersetujui, dan dalam Perjanjian ini bukan dipersetujui tetapi 'dijanjikan', atau 'diikrarkan', atau 'diisytiharkan', melibatkan dan mengikat diri orang perseorangan sahaja, iaitu Datuk Haji Sahil. Ganti nama yang digunakan adalah ganti nama diri pertama tunggal-'saya', dan bukan 'kami'¹² ganti nama majmuk pertama yang sering digunakan oleh Penghulu/Undang Rembau sampai ke zaman Datuk Lela Maharaja Haji Ipap bin Haji Abdullah (1939-62). Jika diperhatikan teks perjanjian yang lain, baik yang sebelum Mac 1877 mahupun yang sesudahnya, tidak langsung terdapat teks di mana digunakan ganti nama pertama tunggal (say ^, Dalam semua teks perjanjian Kerajaan Rembau (setakat yang ditemui, penandatanganan perjanjian itu akan menyebut gelaran am dan khas para pembesar Rembau—Penghulu dan Suku (nan) Empat (Perjanjian sebelum tahun 1832) atau Penghulu dan suku (nan) Lapan (untuk teks Perjanjian selepas tahun 1832); contohnya:

1. Perjanjian tahun 1819 antara Kerajaan Rembau dengan Belanda menggunakan nama: Raja Ali, 'Penghulu dan Empat Suku' (Maxwell dan Gibson, 1924: 39-42).
2. Perjanjian tahun 1832 antara Kerajaan Rembau dengan British menggunakan nama: Raja Ali, 'Penghulu dan Lapan Suku' (Maxwell dan Gibson, 1924-45-48).
3. Perjanjian tahun 1887 antara Kerajaan Rembau dengan British meng-

gunakan nama: 'Datuk Penghulu Sedia Raja dan Lembaga-Lembaga Rembau' (Maxwell dan Gibson, 1924: 51-52).

Selain itu, teks Perjanjian Mac 1877 ini juga menunjukkan bahawa sekali sahaja, dalam bahagian mukadimah, Datuk Haji Sahil menyebut jawatan (Penghulu Rembau) dan gelaran (Lela Maharaja). Malahan dalam ruang menandatangani perjanjian itu pun Datuk Haji Sahil tidak menyebut gelaran atau jawatannya. Perjanjian ini ditandatangani atas nama batang tubuhnya—'Haji Sael' (ejaan Maxwell dan Gibson, 1924: 49). Dalam perjanjian lain seperti yang diberi contoh di atas, jarang sekali ruang menandatangani itu dituliskan nama peribadi, melainkan disebut nama jawatan atau gelaran atau kedua-duanya sekali.

Rumusan yang dapat ditarik daripada huraian di atas adalah: Perjanjian Mac 1877 itu adalah suatu perjanjian peribadi yang tidak melibatkan Rembau sebagai sebuah kerajaan dan negeri. Ianya adalah perjanjian perseorangan antara Datuk Haji Sahil dengan pihak British dan Maharaja Johor. Secara tidak langsung, perjanjian ini suatu dokumen yang mengikat dan alat mendisiplinkan diri Datuk Haji Sahil sebagai orang perseorangan yang secara kebetulan menjawat pusaka Penghulu Rembau. Pihak British tidak mahu Datuk Haji Sahil terus meneruskan melakukan perbuatan dan tindakan yang tidak disenangi pihak berkuasa Inggeris—'mengacau negeri jiran', 'menganiaya para pedagang' dan 'tidak bijak menyelesaikan masalah'. Dengan demikian, secara aturan adat, perjanjian Mac 1877 ini 'tidak memerlukan' tandatangan dan kebulatan Lembaga Tiang Balai Kerajaan Rembau, melainkan mereka tidak menyetujui tuduhan negatif yang dibayangkan oleh pihak British dalam teks perjanjian itu.

Tindakan Datuk Sahil membuat perjanjian itu, menjelang pertengahan tahun 1877 tidak lagi menimbulkan reaksi negatif kepada penduduk dan kebanyakan pembesar Rembau. Beliau masih dihormati dan dalam upacara adat-istiadat di mana kehadirannya perlu beliau akan dijemput dan beliau akan hadir. Ini jelas kelihatan dalam upacara menaikkan kelompok kekeluargaan bertaraf ruang ke taraf perut di kalangan suku Anak Aceh Baruh. Datuk Haji Sahil sebagai Penghulu Rembau telah dijemput kerana kemestian adat ke upacara itu, dan beliau telah datang.

Sebelum tahun 1877 di kalangan suku Anak Aceh Baruh hanya Perut Pulau sahaja yang layak menerima pusaka lembaganya—Datuk Lela Wangsa. Tetapi oleh sebab ahli suku Anak Aceh yang tinggal di Kampung Bongek dan Bintungan bertambah ramai maka pada tahun 1877, mereka berjaya memujuk Datuk Lembaga ketika itu, Datuk Lela Wangsa Maalam supaya gelaran pusaka itu digilirkan pula kepada para ahli suku dari Kampung Bongek dan Bintungan. Dengan kata lain menaikkan taraf kelompok kekeluargaan dari kedua-dua kampung itu ke taraf perut dan mengiktirafnya. Tuntutan orang suku Anak Aceh ini telah dikabulkan oleh Datuk Lembaga, Datuk Lela Wangsa Maalam. Kebulatan ini telah di-

sampaikan ke pengetahuan Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil yang telah merestuinnya.

Pada hari yang ditetapkan suatu adat-istiadat pengakuan kenaikan taraf tersebut telah diadakan. Datuk Haji Sahil sebagaimana patut telah hadir dan disambut dengan penuh upacara sesuai dengan tarafnya. Tetapi Datuk Lela Wangsa Maalam, Datuk Lembaga suku yang berkenaan tidak datang. Beliau, telah mungkir janji pada saat akhir. Dengan itu, oleh sebab mahu kepada Penghulu, ahli-ahli suku Anak Melaka daripada kedua-dua buah kampung berkenaan telah mengadakan adat berkampung pada ketika itu dengan disaksikan oleh Datuk Lela Maharaja Haji Sahil berserta Datuk Lembaga Tiang Balai serta Orang Besar Penghulu. Adat berkampung itu berakhir dengan kebulatan anggota suku Anak Aceh daripada Kampung Bongek dan Bintungan tidak lagi mahu berlembagakan Datuk Lela Wangsa. Mereka ingin menjadi satu suku yang 'berteduh di bawah naungan Penghulu'. Kebulatan muafakat itu telah disampaikan kepada Datuk Haji Sahil yang pula telah menerima permintaan mereka itu (Parr dan Mackray, 1910: 41).

Di sekitar bulan Ogos 1877 Datuk Haji Sahil telah menghadiri satu persidangan para pembesar Negeri Sembilan yang diadakan di Segamat Johor. Persidangan tersebut adalah anjuran Maharaja Abu Bakar. Para Pembesar lain yang hadir adalah Yang Dipertuan Turku Antah dan para penghulu yang menganggotai Persekutuan Seri Menanti, Penghulu Johor dan Penghulu Muar. Persidangan ini dipengerusikan oleh Anson, Pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat. Tujuan Anson untuk menarik perhatian para pembesar yang hadir dan menambahkan keyakinan mereka terhadap kedua-dua kerajaan—Johor dan British—melalui layanan baik yang diberikan oleh Johor dan menunjukkan adanya persefahaman baik antaranya dengan Maharaja Abu Bakar (Thio, 1969: xxx).

Besar kemungkinan dalam persidangan ini Anson dan Maharaja Abu Bakar telah berjaya memujuk Datuk Haji Sahil untuk menyerahkan Simpang yang menjadi punca perbalahan antara Rembau dan Sungai Ujong kepada pihak British. Pada 27 September 1877 Datuk Haji Sahil, melalui suatu perjanjian telah menyerahkan Simpang kepada Kerajaan Inggeris secara rasmi¹³. Teks lengkap dokumen penyerahan itu adalah seperti berikut:

SURAT IKATAN PENYERAHAN TANAH DI
SIMPANG OLEH DATUK REMBAU
27hb. September 1877

Bahawasanya, saya Haji Sael Datuk Rembau Lela Maharaja berserta dengan semua Lembaga atau suku-suku yang tersebut nama mereka di bawah ini, sekarang memerintah Rembau dan jajahan takluknya, mengisytiharkan bahawa sekeping tanah yang dinamakan Simpang, kepunyaan saya berserta dengan semua Lembaga, yang

luasanya 94 ekar dan 6 pole seperti petan yang disertakan, adalah pada hari ini saya berserta dengan semua Lembaga dengan sukacitanya menyerahkan tanah yang tersebut kepada Kerajaan D.Y.M.N. Queen, waris-warisnya dan pengganti-penggantinya.

Bagi masa yang akan datang tidak seorangpun boleh menuntut tanah tersebut, kerana adalah benar dan nyata bahawa saya telah memeteraikan dengan mohor saya dan menandatangani nama saya bersama-sama dengan Lembaga-Lembaga dan suku-suku. Bertarikh pada 27th. September 1877

Mohor Datuk Rembau

[Tidak ada nama Lembaga atau suku]

(Maxwell dan Gibson, 1924: 49)

Melihat kepada teks perjanjian itu didapati sekali lagi, dan kali ini lebih serius, Datuk Haji Sahil membelakangkan Datuk Lembaga Tiang Balai Rembau. Berbeza daripada perjanjian Mac 1877, surat Penyerahan Simpang ini melibatkan polisi dan kewibawaan Kerajaan Rembau. Ianya adalah dokumen yang memberikan sebahagian daripada wilayah Kerajaan Rembau, walaupun hakmilik Rembau dipertikaikan, kepada sebuah kerajaan asing. Situasi seperti ini harus dirundingkan dan dimuafakatkan terlebih dahulu dengan Lembaga Tiang Balai. Setelah ada kebulatan mereka menyerahkan baharulah Penghulu Rembau boleh membuat perjanjian itu. Pada dokumen berkenaan, di samping Penghulu, Lembaga Tiang Balai harus turut serta menandatangani. Dengan demikian baharulah dokumen itu sah dari pandangan Perlembagaan Kerajaan Rembau. Dari pada salinan dokumen tersebut, seperti yang diturunkan di atas nyata bahawa Lembaga Tiang Balai tidak berserta menandatangani walaupun mereka dirujuk sebagai penandatangan bersama dalam teks utama. Rujukan kepada mereka itu pun dilakukan secara umum iaitu 'Empat Suku' merujuk kepada Lembaga Yang Empat di Baroh, atau 'Lapan Suku', Lembaga Tiang Balai Yang Lapan.

Penyerahan Simpang tanpa restu Lembaga Tiang Balai Yang Lapan ini adalah suatu kesilapan besar yang dilakukan oleh Datuk Haji Sahil. Beliau semakin tidak popular di kalangan para Datuk Lembaga. Tegasnya Datuk Haji Sahil telah berselisih faham malahan telah sampai ke tahap permusuhan dengan hampir kesemua jemaah menteri dan penasihatnya.

Di awal tahun 1878 beliau telah mengambil satu lagi tindakan iaitu mengisytiharkan Tampin sebagai sebahagian daripada Kerajaan Rembau. Ada tiga tujuan utama mengapa beliau bertindak sedemikian:

1. Untuk mendapatkan semula Tampin dan menjadikannya sebahagian daripada Kerajaan Rembau, iaitu seperti keadaan sebelum tahun 1836.
2. Dan dengan itu: beliau berharap kedudukannya di kalangan para Datuk Lembaga Rembau akan pulih dan kuat semula.

3. Membalas dendam peribadi terhadap Syed Hamid kerana sokongan Syed Hamid kepada Haji Mustapha di sekitar tahun 1873 (Thio, 1969: xxxcii).

'Perang Kecil'¹⁴ ini telah dimulakan oleh orang Rembau. Tampin hanya bertindak mempertahankan diri. Angkatan pertahanan Tampin adalah di bawah pimpinan Memperang Khalifah. Pertempuran di antara kedua-dua pasukan berlaku di satu tempat bernama Lengong. Setelah beberapa hari 'berperang' tentera Rembau mengundurkan diri dan keadaan pulih seperti sedia kala (Abdul Samad Idris, 1968: 232).

Kegagalan Datuk Haji Sahil dan para pengikutnya menguasai Tampin itu telah menjatuhkan lagi imejnya di kalangan para pembesar Rembau. Para Datuk Lembaga bertambah tidak puas hati dengan tindakan Datuk Haji Sahil membabi buta itu kerana ia menjatuhkan maruah dan melibatkan Kerajaan Rembau dalam peperangan.

Berikutan serangan itu, pada 19 Mac 1878 Gabenor Negeri-negeri Selat ketika itu, Robinson telah mengutus surat kepada Maharaja Abu Bakar meminta beliau menyelesaikannya. Namun sehingga kini tidak ada rekod yang menunjukkan rupa bentuk tindak balas yang diambil oleh Maharaja Abu Bakar atas permintaan Robinson itu. Bukti yang ada menunjukkan bahawa beliau telah gagal menyelesaikannya (Sherifa Khan, 1986: 34).

Besar kemungkinan salah satu sebab kegagalan Maharaja Abu Bakar dalam menyelesaikan masalah Rembau-Tampin awal 1878 ini adalah kerana beliau tidak berbaik dengan Syed Hamid. Syed Hamid, dalam suatu kenyataannya kepada Hervey dalam tahun 1883, menyatakan bahawa kesemua pembesar Negeri Sembilan, termasuk Datuk Haji Sahil, melainkan beliau (Syed Hamid) berada dalam bayaran (rasuah?) Maharaja Abu Bakar. Oleh sebab bayaran itu maka para pembesar Negeri Sembilan dapat dipengaruhi dan dikuasai oleh Maharaja Abu Bakar¹⁵ (Gullick, 1976: 8). Dengan demikian besar kemungkinan, dalam krisis Datuk Haji Sahil - Syed Hamid ini Maharaja Abu Bakar tidak pun mencuba menyelesaikannya kerana beliau menyedari bahawa Syed Hamid tidak dapat dibelinya.

Melihat krisis itu tidak juga mengendur dan mungkin berlanjutan, Gabenor Robinson telah menjemput Datuk Haji Sahil dan Syed Hamid menemuinya di Singapura¹⁶, membincangkan perselisihan mereka. Perbincangan itu tidak dapat diadakan kerana Datuk Haji Sahil enggan turut bersama. Beliau meminta ditangguhkan atas dasar syarat keempat Perjanjian Mac 1877 yang mengharuskannya membincangkan terlebih dahulu sebarang masalah yang dihadapinya dengan Maharaja Abu Bakar. Perjanjian tersebut yang juga ditandatangani oleh Gabenor Jorvois mengikat tangan pihak Inggeris daripada bertindak secara langsung (Gullick, 1976: 8). Oleh sebab pada ketika itu Maharaja Abu Bakar berada di luar negeri—di Eropah—penyelesaian krisis itu terpaksa ditangguhkan.

Pertelingkahan tersebut berlanjutan sehingga awal 1880 (Thio, 1969: xxxvii).

Pada akhir tahun 1879 perselisihan antara Datuk Haji Sahil dengan Syed Hamid telah membara semula. Datuk Haji Sahil telah mengeluarkan kata dua menuntut Syed Hamid mengakuinya sebagai pemerintah Tampin dan Keru serta mengakui haknya untuk menamatkan pemerintahan keturunan Syed Syaaban selepas kematian Syed Hamid. Jika tidak dituruti tuntutan itu, Tampin akan diserang. Apa yang kurang jelas tentang peristiwa ini adalah faktor segera yang merangsang Datuk Haji Sahil mengeluarkan kata dua itu. Gabenor Weld dalam laporannya ke London pada 30 Januari 1883 mengandaikan gerakan agresif ini diinspirasikan oleh Maharaja Abu Bakar, tetapi tiada bukti jelas tentangnya (Sherifa Khan, 1986: 39).

Pergaduhan antara Datuk Haji Sahil dengan Syed Hamid bermula sejak masa awal Haji Sahil menjadi Penghulu Rembau. Dalam perantikan itu Lembaga Tiang Balai seperti diuraikan di bahagian awal berbelah bagi tentangnya. Syed Hamid yang ingin memiliki dan mendapatkan semula kekuasaan ayahnya Syed Syaaban di Rembau, telah mengambil kesempatan ini dengan memihak kepada para Datuk Lembaga yang menentang Haji Sahil. Syed Hamid cuba menggunakan semula strategi datuknya, Raja Ali, iaitu melagakan satu puak lembaga dengan yang lain (Gullick, 1976: 4). Perbuatan Syed Hamid tidak disukai dan menimbulkan kemarahan Haji Sahil kerana beliau, sebagai orang luar telah mencampuri hal-ehwal Kerajaan Rembau. Untuk beberapa tahun Haji Sahil telah menekan perasaan ini kerana belum mempunyai kesempatan. Tetapi sejak Mac 1877, Datuk Haji Sahil sering disindir oleh Syed Hamid sebagai orang suruhan Maharaja Abu Bakar. Tuduhan dan sindiran itu telah menghidupkan semula perasaan marah Haji Sahil terhadap Syed Hamid. Justeru itu secara tidak langsung pergaduhan ini telah ditimbulkan oleh Syed Hamid.

Tujuan utama Datuk Haji Sahil menyerang Tampin di akhir tahun 1879 itu adalah untuk mematikan punca masalahnya dengan mencabutkan akar umbinya sekali yakni menyingkirkan musuhnya daripada tempat kuasanya, Tampin. Tuntutan kata dua Datuk Haji Sahil ke atas Tampin, seperti yang dinyatakan tadi adalah suatu kenyataan sejarah. Tampin dan Keru, sehingga bahagian akhir abad ke-18 adalah sebahagian daripada Kerajaan Rembau di bawah kekuasaan Penghulu Rembau. Orang Tampin sebelum itu memberikan kesetiaan mereka kepada Kerajaan Rembau, khususnya kepada Datuk Syahbandar, Orang Besar Penghulu. Semasa Rembau mempunyai Yang Dipertuan Muda (1778-1836), Tampin diserahkan kepadanya sebagai 'pegangan' atas nama jawatan tersebut untuk membiayai hidupnya. Jawatan Yang Dipertuan Muda ini dimansuhkan pada tahun 1836. Berikutan dengan itu, dengan sendirinya penguasaan ke atas Tampin berbalik kepada Kerajaan Rembau. Untuk tujuan ini Datuk Haji Sahil

dengan baik hati telah menerima kedudukan *defacto* Syed Hamid sebagai pemerintah Tampin, untuk selama hidupnya sahaja; tidak diperturunkan jika Syed Hamid mahu mengakuinya sebagai orang berkuasa di Tampin.

Apabila perkara ini dikemukakan kepada Gabenor Robinson, Gabenor Negeri-negeri Selat dalam tahun 1877 selepas serangan ke atas Tampin, untuk menyelesaikan masalah tanpa kehadiran Maharaja Abu Bakar, beliau meminta Syed Hamid membayar bunga mas kepada Haji Sahil. Saranan itu telah ditolak oleh Syed Hamid. Weld dalam komentarnya menyatakan tidak mungkin Syed Hamid, 'seorang Minangkabau berdarah raja' akan membayar bunga mas kepada seorang penghulu berdarah Jakun yang harus menyembah dan tunduk hormat setiap kali bertemu dengannya (Syed Hamid). Selanjutnya Weld menyatakan oleh sebab perbezaan taraf inilah Datuk Haji Sahil tidak mahu bertemu dengan Syed Hamid (Gullick, 1976: 4-5).

Komen Weld ini menunjukkan kejahilannya tentang salasilah Syed Hamid dan kuasa dan kedudukan Haji Sahil sebagai Penghulu Rembau. Syed Hamid bukannya orang atau keturunan Minangkabau. Dari segi keturunan ayah, Syed Hamid adalah keturunan Arab dari Aceh (yang masih belum terbukti kebenarannya) bercampur darah perempuan *khanasdaq*. Dari sebelah ibu pula beliau adalah campuran darah Bugis dengan perempuan Sungai Baru, yang juga keturunan Bugis. Hanya datuk (Raja Hitam) kepada datuk (Raja Ali) Syed/sahaja berdarah raja dari Minangkabau; tetapi ini bercampur pula dengan darah campuran perempuan tempatan (orang Tampin) dengan darah Bugis (Raja Adil) (lihat Rajah 58 dan 59). Daripada huraian di atas nyatalah bahawa Syed Hamid adalah keturunan campuran Bugis dan tempatan.

Berhubung dengan komen Weld tentang status Datuk Haji Sahil sebagai Penghulu Rembau, jelas menunjukkan bahawa beliau tidak memahami struktur, organisasi dan hirarki sistem politik Adat Perpatih Rembau. Walaupun Yang Dipertuan Muda 'dianggap' kuasa tertinggi tetapi dari segi pentadbiran dalam dan luar negeri Kerajaan Rembau, Penghulu Rembau berkuasa. Ini jelas terbukti daripada peristiwa sejarah di mana tandatangan Yang Dipertuan Muda sahaja, misalnya di zaman raja Adil Perjanjian Rembau-Belanda 1758; dan di zaman Raja Ali Perjanjian Rembau-Inggeris, tidak mengikat Kerajaan Rembau dengan pihak atau kuasa lain melalui sebarang perjanjian. Dalam struktur dan organisasi Kerajaan Rembau Yang Dipertuan Muda hanya 'berkeadilan' yang digunakan apabila 'dirasakan perlu' sahaja oleh Penghulu Rembau, jika tidak, Yang Dipertuan Muda itu hanya merupakan suatu simbol sahaja. Malahan Yang Dipertuan Muda Rembau bertuah kerana Penghulu Rembau, Datuk Lulinsoh telah bernurah hati memberikannya kawasan 'pegangan' untuk pembiayaan hidupnya, yang pada hakikatnya, mengikut perlembagaan

Rembau, tidak ada —'keadilan itu tidak bernegeri dan tiada mencukai kharajat'.

Satu perkara yang harus diambil perhatian dalam kes tuntutan Datuk Haji Sahil ini, dan berkaitan dengan konsep 'Tampin pemakanan Yang Dipertuan Muda' adalah hak asal kawasan tersebut sebelum diwujudkan institusi Yang Dipertuan Muda. Hak kutipan di Tampin dan Keru serta cukai di Sungai Linggi (juga diberikan kepada Yang Dipertuan Muda) adalah kepunyaan Datuk Syahbandar Rembau. Dengan kata lain, Yang Dipertuan Muda secara tidak langsung telah merampas hak salah seorang Orang Besar Penghulu—Datuk Syahbandar. Justeru itu, Datuk Syahbandar Rembau telah kehilangan sumber pendapatan.

Tuntutan Datuk Haji Sahil itu ditolak oleh Syed Hamid kerana, seperti yang dinyatakan kepada Hervey dalam bulan Disember 1882, pada pendapatnya Tampin tidak pernah menjadi sebahagian daripada Rembau. Walaupun orang Tampin pernah membayar cukai kepada pembesar kerajaan Rembau (Datuk Syahbandar) namun itu adalah tanggungjawab adat secara peribadi mengikut aturan 'adat lingkungan' di mana suku yang rendah statusnya mengakui kuasa datuk lembaga lain sebagai penaung. Bagi Syed Hamid ini tidak bermakna suatu pengakuan secara langsung penguasaan wilayah Tampin oleh Penghulu Rembau.

Selanjutnya Syed Hamid berpendapat walaupun Tampin itu diserahkan kepada Yang Dipertuan Muda untuk pegangan dan biayaan hidupnya, namun pemberian gelaran Yang Dipertuan Muda itu adalah anugerah Yang Dipertuan Besar Seri Menanti, Raja Hitam (mengikut Gullick, 1976: 5, Raja Lenggang Laut) kepada Raja Asil, anak raja Adil, datuk kepada Datuk Syed Hamid dan pada masa yang sama Tampin telah diserahkan oleh Raja Hitam kepada Raja Asil.

Dalam konteks jawapan Syed Hamid, Datuk Sahil mempertikaikan kebenaran asal usul 'penganugerahan' gelaran Yang Dipertuan Muda. Gelaran Yang Dipertuan Muda bukannya gelaran yang berasal daripada Alam Minangkabau. Dalam pensejarahan Tanah Melayu gelaran ini mula digunakan oleh para putera Bugis dalam Kerajaan Johor-Riau. Di Rembau dan juga di Jelebu, jawatan ini diwujudkan mengikut model kerajaan Johor-Riau atas sebab-sebab yang lebih kurang sama—untuk 'menenangkan keadaan politik' bagi 'mengelakkan persaingan dan huru-hara yang sukar dikawal' (Khoo Kay Kim, 1990: 12).

Kenyataan bahawa Tampin dianugerahkan oleh Yang Dipertuan Besar Seri Menanti masih keburi kebenarannya. Pada zaman sebelum 1778, pengamalan sistem Adat Perpatih di Rembau masih kuat. Tidak mungkin, Yang Dipertuan Seri Menanti: 'Raja yang tidak bernegeri...' dibenarkan oleh Penghulu Rembau, Datuk Lulusuh 'menganugerahkan' sebahagian daripada wilayah kerajaannya. Perbuatan Yang Dipertuan Seri Menanti itu diandaikan oleh-adat sebagai 'mengacau lubuk orang'. Khoo Kay Kim

(1990: 12) secara tidak langsung menyatakan bahawa pemberian Tampin itu dilakukan oleh Penghulu Rembau sendiri yang sememang hak dan kuasanya atas persetujuan Lembaga Tiang Balai. Perbuatan para pembesar Rembau itu menunjukkan betapa mulianya hati mereka. Mereka sanggup membuat pembaharuan—memberi 'negeri' kepada raja, membenarkan raja 'mencukai' dan berkorban pendapatan dan wilayah untuk mengelakkan keadaan huru hara dan memastikan penyandang jawatan Yang Dipertuan Muda tidak mencampuri dan mendatangkan masalah dalam hal-ehwal politik Rembau.

Pengorbanan para pembesar Rembau dalam tahun 1778 itu tidak bermakna kerana antara tahun 1833 ke 1836 penyandang jawatan Yang Dipertuan Muda—lampiran politik Kerajaan Rembau—telah melibatkan kerajaan dalam peperangan dengan Linggi. Sekali lagi, para pembesar Rembau dan Datuk Ngonit Penghulu Rembau, atas 'nasihat' pihak Inggeris 'menyerahkan' dan tidak lagi sebagai 'pegangan', secara tidak rasmi, Tampin dan Keru kepada 'bekas' Yang Dipertuan Muda Rembau. Pengorbanan Datuk Ngonit dan para pembesar Rembau tahun 1836 itu juga tidak bermakna kerana lebih kurang 40 tahun selepas itu Syed Hamid, yang dikatakan sebagai 'bapa borek anak rintik' oleh Gullick (1976: 4), seperti ayahnya, Syed Syaaban telah mewujudkan permusuhan peribadi dengan Datuk Haji Sahil, Penghulu Rembau.

Menjelang tahun 1879 pertelingkahan antara Datuk Haji Sahil dengan para pembesar Rembau menjadi semakin meruncing. Keadaan ini jika berterusan akan mengancam kedudukannya. Dengan demikian, demi mengekalkan statusnya Datuk Haji Sahil harus berbuat sesuatu untuk menarik semula sokongan mereka. Dengan itu, beliau telah berusaha mengembalikan Kerajaan Rembau ke zaman kegemilangannya, setidak-tidaknya dari segi wilayah. Dengan terpuhinya pengwilayahan kerajaan Rembau ke tahap sebelum 1778, Datuk Haji Sahil berharap para pembesar Rembau akan berbalik semula memberikan sokongan bulat kepadanya. Di samping itu beliau juga dapat menamatkan vendetta peribadi antaranya dengan Syed Hamid.

Atas sebab-sebab inilah maka di akhir tahun 1876 Datuk Haji Sahil menghantar kata dua kepada Syed Hamid. Apabila tidak ada tindak balas daripada Syed Hamid, Datuk Haji Sahil telah pergi ke Johor menemui Maharaja Abu Bakar yang baru balik dari Eropah. Setelah berbincang dengannya, Datuk Haji Sahil telah ke Singapura menemui Anson, Pemangku Gabenor untuk mendapatkan nasihat. Kepada Anson, beliau telah mengadukan bahawa Syed Hamid enggan memenuhi tuntutan, dan meminta pandangan tentang tindakan lanjut yang harus diambilnya. Anson menasihatkannya supaya melakukan apa yang patut untuk menguatkuasakan tuntutan itu (Thio, 1969: xxxvii). Selanjutnya, Anson mengingatkan bahawa beliau tidak mahu Datuk Haji Sahil menggunakan kekerasan

(Sherifa Khan, 1986: 40) dan beliau tidak mahu campur tangan (Gullick, 1976: 1).

Datuk Haji Sahil telah mengintrepetasikan jawapan Anson itu sebagai bermaksud pihak British mendapati tuntutan itu mempunyai justifikasi; dan secara tidak langsung menggalakkannya untuk bertindak sendiri. Beliau juga merumuskan bahawa pihak Inggeris dan Maharaja Abu Bakar tidak akan menghalangnya daripada menyerang Syed Hamid. Anson sebenarnya, tidak menasihatkan Datuk Haji Sahil untuk menyerang Syed Hamid, tetapi penyampaiannya adalah terlalu umum dan boleh diintrepetasikan dengan berbagai cara. Datuk Haji Sahil, dengan rumusannya sendiri balik ke Rembau membuat persediaan untuk melaksanakan tuntutan itu (Thio, 1969: xxxvii).

Semasa Datuk Haji Sahil sibuk membuat persiapan itu, Syed Hamid telah ke Melaka mengadukan hal tersebut kepada Residen Kaunselor. Pihak Inggeris di Melaka memberitahu Syed Hamid, dalam keadaan yang ada, beliau tidak dapat berbuat apa-apa (Gullick, 1976: 1). Mengambil kesempatan ketiadaan Syed Hamid di Tampin itu, pada awal tahun 1880, Datuk Haji Sahil dan para pengikutnya telah menyerang Tampin. Tentera Datuk Haji Sahil itu terdiri daripada 300 orang Rembau dan 40 orang Johor di bawah pimpinan Andak¹⁷.

Apa yang tidak pasti ialah sama ada sebelum Datuk Haji Sahil bertindak itu beliau terlebih dahulu berunding dengan Lembaga Tiang Balai Rembau atau tidak. Bukti yang ada menunjukkan dua orang Datuk Lembaga Tiang Balai—Datuk Gempa Maharaja dan Datuk Bangsa Balang telah menentang perbuatannya itu. Semasa serangan itu dilakukan, Datuk Bangsa Balang berada di Johor kerana diutus oleh Datuk Haji Sahil menemui Maharaja Abu Bakar (Sherifa Khan, 1986: 40). Persoalannya ialah bagaimana reaksi enam orang Datuk Lembaga Tiang Balai yang lain? Adakah mereka bersama dalam serangan itu? Atau, adakah mereka merestuinnya, tetapi tidak berserta?

Serbuan pasukan Datuk Haji Sahil itu mencapai kejayaan. Tampin telah ditakluki. Tempat kediaman Syed Hamid ditawan. Orang Syed Hamid ditangkap. Mereka juga mengambil beberapa ekor kerbau, senjata api, peralatan rumah dan kertas-kertas Syed Hamid. Rumah kediaman Syed Hamid dijadikan kubu. Benteng pertahanan dibina. Tujuan pembinaan benteng itu adalah untuk menjadikan rumah itu tempat tinggal kekal Datuk Haji Sahil (Gullick, 1976: 1).

Berita penaklukan itu telah sampai kepada Syed Hamid di Melaka. Beliau bertindak balas cepat dengan merekrut suatu pasukan tentera upahan Arab. Pada awal pertengahan tahun 1880, Syed Hamid dan tentera upahannya telah mara ke Tampin untuk mengusir keluar orang Rembau. Semasa membuat persiapan menyerang balas, seorang utusan daripada Gabenor Weld¹⁸ tiba. Melalui utusan itu, Weld memerintahkan

mengirringinya pergi bertemu Weld. Haji Sahil telah menemui Weld pada 19 Mei. Weld telah meminta beliau membertukarkan juragaduh dan mengundurkan tukarnya dari Tampin. Permisian Weld ini akhirnya terpaksa dipertukarnya selepas di nasihat oleh Maharaja Abu Bakar untuk berbaya-bagi. Syed Hamid pula telah membayar tuntutan ganti rugi terhadap ^{Datuk} Haji Sahil. Weld tidak menekankan tuntutan Syed Hamid itu kepada Datuk Haji Sahil kerana beliau

CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU

supaya kedua-dua belah pihak berhenti berperang. Weld juga meminta kedua-dua orang pembesar itu datang menemuinya di Singapura, dan membincangkan masalah mereka dengannya. Kedua-dua pembesar bersejua menerima jemputan tersebut.

Sebelum ke Singapura, Datuk Haji Sahil telah menemui Maharaja Abu Bakar Johor yang menyedari bahawa Datuk Haji Sahil pasti tidak membayarnya, jikalau pun beliau mahu akan mengambil masa panjang. Weld berasa bahawa secara tidak langsung, pihak British telah membenarkan Datuk Haji Sahil untuk menyerang dan menjarah Tampin. Dengan itu adalah tidak adil bagi pihak British untuk meminta Datuk Haji Sahil membayar tuntutan ganti rugi itu. Di samping itu Weld belum pasti pihak mana sebenarnya bersalah sehingga kedua-duanya memberikan kenyataan tentangnya (Gullick, 1976: 2).

Selanjutnya untuk mengekalkan kedamaian antara kedua-dua belah pihak itu, Weld telah mencadangkan supaya Datuk Haji Sahil dan Syed Hamid secara berasingan dan bebas, menjualkan hak mereka ke atas suatu kawasan sempadan Rembau-Tampin kepada pihak Inggeris. Dengan adanya satu jalur tanah kepunyaan British di antara sempadan bersama Rembau-Tampin, kedua-dua negeri akan terpisah dan pertelingkahan di antara mereka dapat dielakkan. Weld mencadangkan bayaran sebanyak \$3,000 ke \$4,000 bagi Datuk Haji Sahil dan \$10,000-\$12,000 untuk Syed Hamid, termasuk bayaran tuntutan ganti ruginya terhadap Datuk Haji Sahil. Kedua-dua pihak telah menolak cadangan Weld itu¹⁹ (Sherifa Khan, 1986: 41-42). Selepas pertemuan itu, kedua-dua pihak tidak lagi memajukan tuntutan masing-masing. Syed Hamid hanya mendesak supaya Datuk Haji Sahil membayar ganti ruginya; dan Datuk Haji Sahil pula memberitahu Weld beliau tidak membincangkannya lagi. Dengan demikian, kedua-dua pihak balik ke negeri masing-masing tanpa penyelesaian muktamad tentang perselisihan itu. Namun, mengikut Weld, persetujuan antara mereka terus membara (Thio, 1969: 32); namun kedua-dua belah pihak berjaya memendamnya untuk lebih daripada setahun.

mahu

Sehingga bulan Disember 1882 tidak banyak yang diketahui dengan jelas keadaan politik Rembau. Mengikut rekod yang diperolehi hanya dua peristiwa berlaku dalam tempoh masa tersebut. Pertama, dalam bulan April 1881, Datuk Haji Sahil telah dijemput oleh Weld untuk menemuinya di Simpang. Pertemuan itu adalah untuk membincangkan masalah sempadan antara Rembau dengan Sungai Ujong. Sungai Ujong diwakili oleh Datuk Kelana Muhamad Yusof²⁰. Perbincangan itu diadakan di atas kapal *Pluto*. Datuk Haji Sahil dan Datuk Kelana telah memberi keterangan tentang kedudukan kawasan sempadan itu untuk selama dua jam. Setelah mendengar penjelasan kedua-dua belah pihak dan menimbangkannya, Weld menetapkan sempadan berkenaan iaitu dari Simpang dan ke kiri legoh Sungai Linggi sehingga ke Sungai Ujong adalah hak Sungai Ujong

dan Lembah Sungai Pedas adalah hak Rembau (Sherifa Khan, 1986: 42). Tetapi kemudian, mungkin atas ketidakfahaman penduduk setempat tentang garisan sempadan yang dipersetujui, mereka yang diandaikan oleh Weld sebagai 'orang-orang Haji Sahil', telah menghalang juruukur daripada membuat kerja pengukuran sebuah estet di kawasan sempadan. Kawasan berkenaan 'dipercayai' terletak di luar garisan sempadan Rembau.

Keduanya, dalam tahun berikutnya, perhubungan Rembau-Melaka juga menjadi tegang. Ianya berkaitan dengan sempadan yang dikongsikan bersama dengan wilayah Nanning. Akibat kedua-dua peristiwa ini, Weld telah menuduh Datuk Haji Sahil telah secara bersembunyi tetapi teliti berusaha menipu pihak Inggeris melanggar perjanjian yang boleh membantu pihak Inggeris menyelesaikan masalah sempadan secara saksama (Sherifa Khan, 1986: 42).

Keadaan di Rembau dan Tampin yang menjadi semakin buruk menjelang pertengahan tahun 1882 telah membimbangkan Weld. Sebagai diperihalkan di bahagian awai di atas, Datuk Haji Sahil dan Syed Hamid pada hakikatnya menolak penimbangtaraan pihak British dalam pergaduhan mereka di awal 1880. Maharaja Abu Bakar terlalu memihak kepada Datuk Haji Sahil untuk diterima oleh Syed Hamid sebagai pendamai; malahan Weld sendiri tidak mahu bergantung kepada Maharaja Abu Bakar. Maharaja Abu Bakar sendiri kecewa dengan peranan yang dimainkannya kerana ia telah merenggangkan perhubungan dan berasa malu dengan Gabenor, tanpa menghasilkan keuntungan untuk dirinya atau orang lain (Gullick, 1976: 9-10).

Ekoran daripada tidak ada penyelesaian dalam pergaduhan itu, Syed Hamid telah menjadi 'gelisah dan merancang membuat kejahatan' (Thio, 1969: 32; Loh Fook Seng, 1969: 50) terhadap Datuk Haji Sahil. Antara akhir tahun 1880 sehingga akhir tahun 1882, Syed Hamid telah mengeksploitasi rasa geram atau/ dan mengapi-apikan para Datuk Lembaga Rembau bangun menentang Datuk Haji Sahil (Gullick, 1976: 5). Syed Hamid berjaya menaikkan semangat mereka. Dengan itu, pada awal Disember 1882 keadaan resah gelisah dalam arena politik Rembau mencapai tahap kritikal. Sekumpulan Datuk Lembaga Rembau telah datang menemui Weld. Datuk Haji Sahil telah cuba menghalang permergian mereka itu, tetapi gagal.

Dalam pertemuan itu, Datuk Lembaga itu telah menyampaikan beberapa tuduhan terhadap Datuk Haji Sahil kepada Weld. Antaranya adalah:

1. Datuk Haji Sahil telah memerintah Rembau secara bersendirian dan membelakangkan Lembaga Tiang Balai.
2. Datuk Haji Sahil telah mengambil hasil negeri untuk kegunaannya sendiri tanpa membahagikannya dengan para pembesar yang berhak sebahagian daripadanya.

3. Datuk Haji Sahil tidak mengambil sebarang tindakan ke atas pembunuh dan membiarkan homisid berlaku.
4. Datuk Haji Sahil enggan memberi pengadilan dalam kejadian rompak.
5. Datuk Haji Sahil telah melakukan penindasan dan kezaliman.

Para Datuk Lembaga tersebut memaklumkan bahawa hanya keinginan mereka untuk terus berbaik dan tidak mahu menimbulkan kemarahan pihak Inggeris sahaja yang menghalang mereka daripada bangun membertontak. Selanjutnya, mereka meminta pihak Inggeris mengiktiraf Syed Hamid sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau. Mereka memberikan gambaran orang ramai Rembau akan menerima Syed Hamid sebagai Yang Dipertuan Muda (Gullick, 1976: 2; Sherifa Khan, 1986: 42-43).

Sebagai tindak balas kepada krisis itu Weld telah berjanji akan menghantar seorang pegawai British ke Rembau dan Tampin untuk menyiasat kebenaran aduan tersebut dan mendapatkan maklumat yang paling tepat dan lengkap. Namun, sebelum itu, Weld telah memberi amaran bahawa orang yang pertama mengangkat senjata dan bertindak sendirian adalah musuh pihak Inggeris dan akan menerima balasan sepadan. Mengikut laporan Weld, para Datuk Lembaga itu sangat gembira mendengar janji itu. Pegawai yang dipilih adalah Dudley Hervey²¹. Beliau dipilih kerana kebolehan mengadakan perhubungan baik dengan orang Melayu, memahami tabiat dan adat resam orang Melayu. Datuk Haji Sahil telah diberitahu tentang kedatangan Hervey dan tujuannya. Beliau telah membalas menyatakan akan memberi segala bantuan dan kemudahan kepada Hervey, namun meminta pihak British memberitahu sekurang-kurangnya lima atau enam hari lebih awal daripada tarikh kedatangan Hervey agar dapat membuat persiapan yang sesuai (Sherifa Khan, 1986: 43).

Setelah mendengar aduan para pembesar itu dan sebelum Hervey berlepas ke Rembau, Weld pada 14 Disember 1882 telah menghantar satu laporan yang panjang ke Jabatan Tanah Jajahan. Di samping menghuraikan sejarah kejadian perselisihan itu Weld juga mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut. Langkah tersebut dapat dirumuskan sebagai berikut:

1. Membiarkan Haji Sahil berperang dengan musuh-musuhnya (termasuk Syed Hamid) yang akan berkesudahan dengan anarki di kawasan yang bersempadan dengan Melaka.
2. Menyerahkan penyelesaian masalah ini kepada Maharaja Abu Bakar yang bermusuhan dengan Syed Hamid—yang juga berkesudahan dengan keadaan huru-hara dan akan melemahkan pengaruh British.
3. Memecat Datuk Haji Sahil dan melantik Penghulu Rembau yang baru dan membenarkan Syed Hamid menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau jika itu permintaan ramai—yang juga akan berakhir dengan keadaan huru-hara.

4. Membeli satu jalur tanah yang memisahkan Rembau daripada Tampin—tetapi ini, melalui masa akan walau dengan apa cara pun, membawa negeri-negeri itu ke bawah kekuasaan pihak British.

Weld menyedari bahawa tidak satu pun daripada cadangan tersebut akan dipersetujui oleh London dan beliau sendiri berasa tidak dapat lagi mencadangkan cara yang lain.

Dalam usahanya mencari jalan tengah, Weld kemudian mencadangkan perkara-perkara berikut:

1. Syed Hamid disahkan menjadi pemerintah Tampin dengan hanya membayar ganti rugi ke atas kerugian yang dialaminya semasa Tampin diserbu oleh Datuk Haji Sahil di awal 1880.
2. Tuntutan Syed Hamid menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau dibiarkan begitu sahaja untuk sementara waktu.
3. Haji Sahil diberi penasihat British yang tidak tinggal di Rembau.

Sebagai usaha awal ke arah melaksanakan cadangan tersebut atau langkah lain, Weld mencadangkan menghantar Residen Kaunselor British di Melaka, D. Hervey ke Rembau dan Tampin untuk menyiasat dan mendapatkan fakta sebenar tentang tuntutan Datuk Haji Sahil dan Syed Hamid, dan khususnya tuduhan salah perintah terhadap Datuk Haji Sahil oleh pembesar-pembesarnya (Gullick, 1976: 10).

Hervey telah bertolak meninggalkan Melaka pada 17 Disember 1882 dengan diiringi oleh satu pasukan polis. Di Lubuk China rombongannya telah disambut oleh beberapa orang Buapak adat yang dihantar oleh Datuk Haji Sahil, sebagai pemandu jalan. Hervey telah sampai ke Balai Penghulu Rembau di Bandar Nerasau pada petang 18 Disember. Ketibaan Hervey telah disambut dengan tembakan senapang sebanyak tujuh das. Datuk Haji Sahil mengalu-alukannya dengan penuh hormat dan ramah tamah. Pada malam itu Datuk Haji Sahil menjelaskan sebab-sebab beliau menuntut hak ke atas Tampin seperti dinyatakan di atas. Sebelum Hervey masuk tidur, Datuk Haji Sahil cuba menawarkan hati Hervey daripada pergi lebih jauh ke pedalaman Rembau menemui para Datuk Lembaga Rembau. Datuk Haji Sahil memberitahu Hervey bahawa jalan ke kawasan tersebut amat sukar dilalui.

Hervey masuk tidur beberapa minit selepas jam sepuluh. Baru sahaja hendak terlena, beliau dijagakan semula oleh suatu bunyi. Sementara menunggu terlelap semula, beliau telah mendengar beberapa orang bercakap secara berbisik-bisik di bahagian bawah belakang biliknya. Perbisikan mereka itu hampir tidak terdengar oleh Hervey. Namun, beliau telah merakamkan yang dianggap oleh Gullick (1976: 10) sebagai "... usikan jenaka yang tidak disengajakan", butir-butir percakapan yang dapat ditangkap oleh telinganya. Dialog bisikan yang dirakamkan oleh Hervey adalah seperti berikut:

Suara pertama: Tidur?

Suara kedua: Sudah tidur.

Terhenti seketika.

Suara ketiga: Jalan sana sedikit.

Terhenti dan tidak jelas percakapan selanjutnya.

Suara keempat: Berapa ringgit Datuk kasi?

Hervey hanya mendengar sebahagian daripada jawapan kepada soalan itu:

Suara kelima: . . . dua puluh. . .

Suara keenam: Berapa orang?

Suara ketujuh: Dua orang.

Perbuatan ini menimbulkan rasa curiga dalam hati Hervey. Beliau keluar daripada biliknya, dan pergi mendapatkan kopral pasukan polis pengiringnya. Beliau memerintahkan supaya kopral itu menempatkan seorang atau dua orang polis berjaga di bahagian hadapan rumah. Hervey kemudian masuk semula ke biliknya. Setelah berbaring untuk beberapa ketika, beliau mendengar lagi bunyi orang berbisik-bisik daripada arah yang sama. Pada mulanya beliau tidak jelas tentang apa yang diperkatakan. Kemudian:

Suara perempuan: Dia mana boleh tahu?

Jawapan yang diberikan tidak jelas. Tidak lama kemudian:

Suara perempuan: Dia ada api.

Pada pagi esoknya, Hervey telah memikirkan semula peristiwa itu. Beliau akhirnya merasionalkan kejadian itu sebagai suatu percakapan yang disengajakan untuk pendengarannya. Tujuan mereka bukan hendak menganiaya tetapi untuk menakut-nakutkannya daripada meneruskan perjalanan dan penyasatannya (Gullick, 1976: 11).

Hervey telah memberitahu Datuk Haji Sahil beliau akan meneruskan perjalanannya ke Tampin. Di Tampin Hervey telah menemui Syed Hamid yang mengambil kesempatan itu untuk meyakinkan Hervey bahawa beliau tidak berkomplot dengan datuk-datuk lembaga Rembau ataupun memberikan wang kepada mereka, seperti yang dituduh, untuk menjatuhkan Haji Sahil. Sebaliknya, para Datuk Lembaga itu telah mendatangi beliau kerana mereka menghoromatinya dan keluarganya. Mereka memberitahunya bahawa mereka telah diketepikan oleh Datuk Haji Sahil dalam memerintah Rembau. Perbuatan ini adalah suatu perbuatan salah tadbiran yang melampau dilakukan oleh Datuk Haji Sahil. Syed Hamid juga menyatakan bahawa Datuk Haji Sahil enggan mengakui haknya ke atas 'abuan' (pendapatan daripada kutipan cukai) di Kuala Pemas di mana beberapa orang nenek moyangnya telah dikebumikan. (Sherifa Khan, 1986: 44).

Semasa Hervey berada di Rembau dan Tampin, iaitu antara 18 hingga

28 Disember 1882, beliau berjaya mengumpulkan beberapa kes penyelewengan yang telah dilakukan oleh Datuk Haji Sahil sebagai Penghulu Rembau. Di bawah ini disenaraikan beberapa daripada kes tersebut. Senarai ini tidak dikelompokkan mengikut jenis tetapi berdasarkan masa dan, mana yang boleh, mengikut tempat ia dilaporkan:

1. Dalam masa perjalanan Hervey ke Tampin selepas bermalam di rumah Datuk Haji Sahil, seorang rakyat Rembau, bernama Bucu telah mengadu kepadanya tentang salah perintah Datuk Haji Sahil. Bucu memberitahu bahawa beliau telah didenda sebanyak \$112.00 oleh Datuk Haji Sahil. Denda sebanyak itu, mengikut Bucu adalah tidak adil dan luar kebiasaan adat. Oleh sebab beliau tidak mampu membayar denda itu, sawah keluarganya telah dirampas. Selanjutnya Bucu memaklumkan bahawa tindakan mendenda dan merampas sawah itu telah dilakukan oleh Datuk Haji Sahil tanpa memberitahu dan merundingkan terlebih dahulu dengan lembaga sukunya (Bucu). Akhir sekali Bucu memberitahu bahawa denda yang dikenakan ke atasnya itu adalah melampaui hak maksimum yang boleh dijatuhkan oleh seorang Penghulu Rembau. Denda maksimum penghulu adalah satu bahara yang ketika itu bernilai \$14.00 (Sherifa Khan, 1986: 44).

Aduan Bucu ini, khususnya kenyataannya yang menyatakan Datuk Haji Sahil telah melampaui bidang kuasanya adalah mengelirukan. Mengikut Undang-undang Adat Rembau, denda \$14.00 yang dianggap oleh Bucu sebagai denda yang paling tinggi (maksimum) sebenarnya adalah 'denda yang paling rendah' (minimum) harus dikenakan oleh Penghulu Rembau. Apabila Kerajaan Rembau menghapuskan institusi Yang Dipertuan Muda, denda terendah yang boleh dikenakan oleh seorang Yang Dipertuan Muda iaitu 66 kupang atau \$24.80 telah dijadikan denda terendah (minimum) bagi Penghulu Rembau (Parr dan Mackray, 1910: 56; Abas Hj. Ali, 1953: 70). Dengan kata lain, Penghulu Rembau berhak dan berkuasa tentang denda melampaui jumlah satu bahara ataupun \$14.00 sebelum tahun 1836, dan selepas tahun 1836, melampaui 66 kupang atau \$24.80²³.

Pada 21 Disember 1882 beberapa orang pembesar Rembau telah dibawa oleh Detuk Bangsa Balang datang menemui Hervey. Mereka datang membawa seorang rakyat Rembau bernama Imam Ishak.

2. Imam Ishak memberi keterangan bahawa abangnya, Panglima Perang Pei telah didenda satu bahara dalam tahun 1880 oleh Datuk Haji Sahil. Denda itu tidak wajar dikenakan kerana perkara itu tidak dirujukkan terlebih dahulu kepada lembaga suku orang berkenaan. Selanjutnya Datuk Haji Sahil enggan memulangkan cagaran jaminan selepas denda.

Panglima Perang Pei didenda kerana dianggap oleh Datuk Haji Sahil sebagai sengaja melambatkan kedatangan orang yang diminta

menghantarkan barang-barangnya ke Melaka. Kelewatan mereka datang adalah kerana harus menziarahi suatu majlis kematian.

Dalam kes Panglima Perang Pei ini, mengikut adat ia harus terlebih dahulu dirujuk kepada datuk lembaga suku Panglima Pei yang akan memanggilnya dan menyiasat berkenaan tuduhan itu. Jika dalam penyiasatannya keputusannya berbeza dengan keputusan penghulu kes itu harus dirujuk kepada lembaga suku yang lain dan penghulu harus mematuhi keputusan para Datuk Lembaga tersebut (Sherifa Khan, 1986: 44).

3. Haji Mak Asik mengadu bahawa beliau telah dipecat daripada jawatannya sebagai Datuk Syahbandar oleh Datuk Haji Sahil dalam tahun 1881. Beliau dipecat hanya kerana Penghulu Haji Sahil marah kepadanya. Pusaka Datuk Syahbandar itu telah diberikan kepada orang lain tanpa berunding dengan waris.
4. Datuk Mandelika Sahil menuduh Penghulu Haji Sahil 'menjadikan' dua orang Datuk Mandelika pada suatu masa yang sama. Datuk Mandelika Sahil menegaskan bahawa beliau telah dilantik oleh anak buah sukunya, suku Semelenggang Empat Ibu Darat. Kemudian, Penghulu Haji Sahil sesudah menerima sejumlah wang telah melantik pula Bakar menjadi Datuk Mandelika. Perlantikan Datuk Mandelika Bakar, Datuk Mandelika kedua, kerana Datuk Mandelika Sahil yang belum dipecat, telah dilakukan tanpa persetujuan ahli-ahli suku Semelenggang Empat Ibu Darat; dan perbuatan Datuk Haji Sahil ini adalah bertentangan dengan aturan adat.
5. Datuk Mandelika Sahil juga menuduh Datuk Haji Sahil telah menjual tanah sawah ahli sukunya yang bernama Sudin. Mengikut keterangan Datuk Mandelika Sahil, Sudin telah berselisih faham dengan Datuk Mandelika Bakar (buatan Datuk Haji Sahil) tentang sebidang tanah sawah. Perkara ini telah diadukan kepada Datuk Haji Sahil untuk penyelesaian. Tetapi Datuk Haji Sahil telah menjual tanah sawah berkenaan kepada orang lain (Sherifa Khan, 1986: 44), tanpa merundingkan terlebih dahulu dengan Datuk Lembaga suku (yang sepatutnya beliau lakukan).

Selain daripada mencatatkan aduan berkenaan dengan salah tadbir, Hervey juga telah merakamkan pandangan dan pendapat para pembesar dan orang Rembau tentang pelakuan dan tingkah laku Datuk Haji Sahil. Antaranya ialah:

6. Semasa Hervey mengunjungi rumah Datuk Bangsa Balang di Legong, Datuk Bangsa Balang memberitahu bahawa sebelum Maharaja Abu Bakar mencampuri hal-ehwal Rembau Datuk Haji Sahil mempunyai hubungan baik dengannya, dan bertindak sebagaimana wajarnya seorang penghulu. Tetapi selepas itu semuanya berubah dan negeri menjadi huru-hara.

7. Hervey juga diberitahu bahawa Datuk Haji Sahil telah mengancam orang di sekitar kawasan yang berjiranan dengan Legong, dan juga di kawasan Datuk Gempa Maharaja yang ingin bertemu dengannya.

Akibat daripada keadaan ini, Hervey telah berubah fikiran dan tidak jadi meneruskan perjalanan dan penyiastarannya ke bahagian Rembau Darat. Beliau telah melihat dengan nyata bahawa Datuk Haji Sahil tidak akan memberinya peluang menyaksikan sendiri keadaan di sana. Sebaliknya beliau telah menerima jemputan Haji Mustapha, iaitu orang yang pernah menentang Datuk Haji Sahil dalam merebut jawatan Penghulu Rembau dalam tahun 1873, melawat kawasanya di Gadong pada 25 Disember.

8. Haji Mustapha (bekas musuh Datuk Haji Sahil dan penyokong Syed Hamid) memaklumkan kepada Hervey tindakan zalim Datuk Haji Sahil bermula sejak beliau berbaik-baik dengan Maharaja Abu Bakar.
9. Haji Mustapha selanjutnya memberitahu Hervey bahawa Datuk Haji Sahil semasa menerima menghadap para pembesar (Datuk Lembaga) Rembau, tidak lagi duduk di lantai melainkan di atas kerusi. Para pembesar yang menghadap akan diminta duduk di atas lantai menghadapnya.
10. Hervey juga dimaklumkan bahawa tiga orang daripada empat orang Lembaga Tiang Balai di Baruh, dan tiga orang daripada empat orang Lembaga Tiang Balai di Darat menyokong perantikan Syed Hamid sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau²⁷. Dua orang lagi ahli Lembaga Tiang Balai (seorang daripada Baruh dan seorang daripada Darat) tidak berani bersuara menyatakan pendirian mereka.
11. Hervey juga telah diberitahu bahawa Datuk Haji Sahil enggan membenarkan orang ramai menemui Hervey secara bebas. Beliau hanya mengizinkan mereka menemui Hervey dengan ditemani oleh pengikut setia Datuk Haji Sahil. Datuk Haji Sahil mengancam mendenda setiap orang yang bertemu Hervey secara bersendirian sebanyak \$25.00. Semasa mereka bertemu dengan Hervey bersama pengikutnya, mereka tidak akan berkata apa-apa.
12. Datuk Mangkubumi Abdul Samad melaporkan bahawa Datuk Haji Sahil telah berkata semasa Hervey berada di Rembau tidak ada apa-apa yang akan berlaku tetapi apabila dia balik ke Melaka, orang Rembau akan menerima padahnya.

Hervey telah menyelesaikan misinya di Rembau dan Tampin, dan balik ke Melaka pada 28 Disember 1882 (Sherifa Khan, 1986: 44-45).

Sementara itu di London, sebagai tindak balas kepada laporan Weld bertarikh 14 Disember 1882, masa depan Datuk Haji Sahil dan Kerajaan Rembau hangat dibincangkan. Pejabat Tanah Jajahan enggan dipaksa membuat suatu kepuluan secara tergesa-gesa tentang cadangan Weki

merujukkan tentang krisis itu. Para pegawai tinggi di Pejabat tanah Jajahan telah menunjukkan perkara itu kepada Cecil Smith, Setiausaha Tanah Jajahan bagi Negeri-negeri Selat, yang ketika itu sedang bercuti di Britain. Cecil Smith mempertahankan keputusan 'tidak perlu bergopoh-gapah' mencari keputusan tentang krisis tersebut walaupun keadaan di Rembau sememangnya tidak memuaskan. Beliau berpandangan adalah penting menentukan terlebih dahulu sejauh manakah sokongan yang diberikan oleh rakyat Rembau terhadap Datuk Haji Sahil dan sejauh mana pula kebenaran dakwaan salah tadbir yang ditujukan kepada Datuk Haji Sahil. Cecil Smith mengatakan bahawa beliau agak jelas tentang tanggungjawab pihak British menyokong Datuk Haji Sahil orang yang diakui sebagai pemerintah Rembau, selama mungkin yang diperlukan. Kemudian, jika pihak British merasa Datuk Haji Sahil perlu dipecat maka pemecatannya itu mesti dilakukan secara langsung oleh pihak yang betul-betul berkuasa dan berhak di Rembau. Tindakan pihak British, berikutan dengan itu terhad kepada memperingatkan kejatuhannya untuk mengelakkan peperangan. Meade, Timbalan Menteri Muda Tanah Jajahan bersetuju dengan pandangan Smith dan menganggap persoalan itu 'belum cukup masak' untuk memutuskan suatu penyelesaian. Beliau lebih suka keputusan itu ditangguhkan dahulu sehingga selepas meneliti laporan Hervey.

Sir Robert Herbert, Menteri Muda bagi Tanah Jajahan juga bersetuju dengan pandangan Meade itu. Beliau merungut menyatakan tidak nampak sebab mengapa Weld harus mencampuri hal-ehwal di Rembau, 'melainkan keadaan huru-hara di negeri itu mengancam secara langsung keamanan dan keselamatan Melaka'. Lord Derby yang menggantikan Lord Kimberley sebagai Menteri bagi Tanah Jajahan dalam bulan Disember 1882, menerima pandangan para pegawainya itu. Beliau mengarahkan Gabenor Weld pada 24 Februari 1883 supaya membataskan dirinya kepada hanya memberi nasihat sahaja dalam menyelesaikan perselisihan tersebut (Thio, 1969: 33-34). Weld juga diminta melaporkan dapatan Hervey itu melalui telegram ke London (Loh Fook Seng, 1969: 52).

Laporan Hervey diserahkan kepada pihak yang berkenaan pada 25 Januari 1883. Dalam laporan yang panjang itu Hervey berkesimpulan bahawa:

1. Penghulu Rembau tidak mempunyai tuntutan yang lengkap dan sah untuk memerintah Tampin, seperti yang diuraikan tadi.
2. Peristiwa penaklukan Tampin itu berkemungkinan berpunca daripada rancangan jahat Maharaja Abu Bakar Johor.
3. Jika pengaruh jahat itu dapat dibendung, para pembesar Rembau dan juga daerah di sekitarnya akan bersatu menyokong Syed Hamid yang berkemungkinan akan menerima kedudukan sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau.

4. Selepas mendapati dirinya hanya disokong oleh bilangan minoriti penduduk Rembau, Datuk Haji Sahil tidak akan berbuat apa-apa melainkan menerima keadaan baru tersebut.
5. Hervey percaya penyelesaian cara ini, jika dapat diatur dengan baik akan memuaskan semua pihak yang berkenaan, melainkan Penghulu Rembau dan para pengikut setianya; dan ia juga merupakan suatu cara yang adil dan saksama.

Melihat kepada rumusan Hervey ini nyatalah beliau memihak dan menyokong Syed Hamid. Tindakannya memihak kepada Syed Hamid adalah berdasarkan pemerhatiannya yang menggambarkan bahawa pendapat majoriti orang Rembau mahukan Syed Hamid menjadi Yang Dipertuan Muda di Rembau (Gullick, 1976: 11). Dengan kata lain, melalui laporannya Hervey telah membuktikan bahawa dalam pergaduhan Rembau–Tampin 1880 itu Datuk Haji Sahil adalah watak jahatnya: seorang pemerintah yang suka menindas rakyat dan menjadi punca segala masalah (Loh Fook Seng: 1969: 52).

Semasa memanjangkan laporan itu, Weld juga memberikan penilaian dan rumusan yang serupa dengan Hervey. Beliau menambah bahawa ternyata para pembesar dan juga rakyat Rembau tidaklah begitu hendak memecat Datuk Haji Sahil daripada mahukan Syed Hamid mengambil semula pusaka ayahnya Syed Syaaban atau datuk sebelah ibunya Raja Ali. Untuk mencapai tujuan ini mereka sanggup berperang (Gullick: 1976: 11).

Rumusan Hervey dan Weld, secara tersirat telah mengutarakan bahawa Syed Hamid adalah calon yang paling sesuai, malahan satu-satunya calon untuk mengisi jawatan Yang Dipertuan Muda Rembau jika diputuskan untuk menghidupkan semula jawatan tersebut. Mereka mengandai-kan bahawa jawatan itu adalah turun-temurun. Anak kepada penyandang sebelum itu adalah orang yang paling sesuai dan berhak ke atasnya. Andaian mereka ini adalah salah kerana sejarah institusi Yang Dipertuan Muda Rembau menunjukkan bahawa ia tidak pernah diwariskan secara itu. Yang Dipertuan Rembau yang pertama, Raja Asil sememangnya mewarisi jawatan ayahnya, Raja Adil. Jawatan yang diwarisinya bukan Yang Dipertuan Muda, tetapi 'Raja Rembau'. Raja Adil tidak pernah menggunakan ataupun diberi gelaran Yang Dipertuan Muda. Jawatan Yang Dipertuan Muda itu telah dirampas oleh Raja Ali daripada Raja Asil. Perhubungan darah antara Raja Ali dengan Raja Asil bukanlah perhubungan anak dan ayah, melainkan perhubungan cucu saudara dengan datuk saudara. Ibu Raja Ali, Tengku Putih adalah anak kepada saudara (adik) Raja Asil (lihat Rajah B dan C). Raja Ali pula telah digantikan oleh Syed Syaaban. Syed Syaaban langsung tidak ada kaitan kekeuargaan darah dengan Rembau (ibu bapanya bukan orang Rembau) melainkan melalui satu siri perkahwinan dua orang anak perempuan Raja Ali (perkahwinan 'ganti tikar'). Dengan itu adalah sukar sekali untuk mencari suatu prinsip

pewarisan turunan daripada ayah ke anak lelaki dalam kekusutan kuasa politik Rembau-Tampin itu (Gullick, 1976: 11-12).

Daripada laporan Hervey dan komen Weld nyatalah mereka tidak mengambil kira tentang prinsip keturunan ini. Datuk Haji Sahil dan Maharaja Abu Bakar yang dijangkakan akan mencabar kelayakan Syed Hamid atas tuntutananya itu juga tidak mempertikaikannya. Salah satu sebab mengapa ianya tidak disentuh adalah kerana dalam tempoh setengah abad sejak Syed Syaaban dipecat daripada jawatan Yang Dipertuan Muda (1836) suatu perubahan besar yang berkaitan dengan ideologi jabatan diraja di Negeri Sembilan telah berlaku. Sehingga tahun 1832 jabatan Yang Dipertuan Besar Seri Menanti, yang 'mungkin' ada kaitannya dengan jabatan Yang Dipertuan Muda Rembau, adalah suatu institusi di mana penyandanganya bukan dilantik atau dipilih mengikut prinsip pewarisan turun-temurun. Jabatan itu telah diisi oleh suatu urutan pemilihan para putera daripada Minangkabau Sumatera, yang setiap orang akan menyandangnya untuk seumur hidup melainkan putera Minangkabau terakhir, Raja Labu (1825-32) yang dipecat. Tetapi mulai tahun 1832, akibat perang saudara aturcara 'menjemput raja' itu telah bertukar kepada kaedah mewujudkan buat kali pertamanya, jawatan Yang Dipertuan Besar diwariskan kepada anak. Walaupun berlaku pergelutan selanjutnya, dalam tahun 1860 dan dalam tahun 1869, untuk takhta yang kosong namun calon-calon utama adalah semuanya anak-anak kepada raja-raja pemerintah sebelumnya. Pewarisan berdasarkan sistem nasab bapa dalam masyarakat nasab ibu telah bermula. Prinsip pewarisan corak ini bukan disengaja atau diadatkan tetapi akibat peperangan. Tegasnya dipaksakan.

Berkaitan dengan perubahan prinsip perlantikan ini, dalam kes Yang Dipertuan Muda Rembau, ia boleh dipertikaikan. Jika jawatan itu hendak dihidupkan semula selepas setengah abad dalam keadaan terbiar, maka tuntutan keturunan nasab bapa dari titisan darah Raja Asil atau penggantian Raja Ali, harus diberi pilihan utama dan pertama; dan 'bukannya' anak Syed Syaaban, seorang Arab dan orang asing (Gullick, 1976: 12). Walau bagaimanapun, keluarga Raja Asil telah 'hilang' tanpa diketahui di mana mereka berada, atau mungkin juga telah lupus, tetapi keturunan Raja Ali masih ramai di Negeri Sembilan dan di Selangor. Anak Raja Ali, Raja Ujang yang bergelar Panglima Besar Rembau, atas sebab-sebab tertentu telah berpindah ke Siak, tetapi meninggalkan dua orang anak lelaki, Raja Sulung dan Raja Sulaiman di Keru²⁴.

Tuntutan Syed Hamid hendak menjadi Yang Dipertuan Muda Rembau itu, mengikut dapatan Hervey adalah sah dan layak atas dasar berikut:

1. Orang Rembau yang ditemuinya menginginkannya.
2. Syed Hamid adalah anak kepada Syed Syaaban, penyandang terakhir jawatan tersebut.
3. Beliau seorang sahaja yang menuntutnya.

4. Beliau adalah pemerintah *defacto* Tampin iaitu wilayah yang diberi oleh Penghulu Rembau untuk pegangan Yang Dipertuan Muda Rembau di masa lampau.

Weld dan penasihatnya telah menolak tuntutan Syed Hamid itu tetapi mengiktirafnya sebagai pemerintah *de jure* berstatus raja di Tampin (Gullick, 1976: 12).

Selain daripada cadangan yang dinyatakan tadi, Weld dalam telegramnya ke London (28 Januari 1883) juga mengesyorkan perkara berikut:

1. Mengukuhkan polisi sempadan British.
2. Mengadakan suatu mesyuarat yang dihadiri oleh para pembesar Melayu yang terlibat.
3. Membayar pampasan ganti rugi kepada Syed Hamid untuk meredakan rasa marahnya akibat kerugian yang dialaminya dalam perang 1880 dan wang pembayaran ini akan dikeluarkan daripada Tabung Negeri-negeri Selat.
4. Meletakkan Datuk Haji Sahil di bawah kawalan pihak British, tetapi tidak dipecat; dan jika perlu beliau mungkin dibeli.

Seperti biasa Pejabat Tanah Jajahan telah mengingatkan Weld supaya mengelakkan daripada masuk campur secara langsung dalam hal-ehwal negeri-negeri Melayu. Dengan mengadakan penglibatan pihak British setakat memberi nasihat kepada para pembesar dan ketua Melayu. London bersetuju dengan cadangan mengadakan suatu mesyuarat para pembesar yang terlibat; tetapi perkara yang melibatkan wang tidak diendahkan²⁵ (Loh Fook Seng, 1969: 52).

Tujuan misi Hervey ke Rembau dan Tampin adalah untuk mengesahkan sama ada Datuk Haji Sahil telah melakukan 'salah tadbir' ataupun tidak di samping mencari jalan menyelesaikan krisis antara Datuk Haji Sahil dengan Syed Hamid. Walau apa pun keputusan yang dicapai tentang tujuan misi itu, beberapa perkara harus dijelaskan tentang misi Hervey itu. Daripada pemerihalan ringkas tentang laporan tersebut seperti yang dicatatkan tadi, nyatalah bahawa Hervey dalam menjalankan tugas dan menulis laporannya telah berlaku berat sebelah.

1. Hampir kesemua data (maklumat dan aduan) yang terkandung dalam laporannya itu datangnya daripada mereka yang bermusuhan dengan Datuk Haji Sahil. Mereka itu adalah Syed Hamid, Haji Mustapha (bekas dan mungkin masih musuh ketat Haji Sahil), Datuk Bangsa Balang dan orang lain yang berasa dan beranggapan teraniaya. Di samping itu majoriti daripada mereka adalah penyokong Syed Hamid atau/dan para pengikut mereka.
2. Setakat yang dapat dipastikan, Hervey tidak menemubual atau menemuduga atau menerima aduan daripada orang yang dianggap oleh British (Hervey) sebagai 'pengikut setia' Datuk Haji Sahil. Jika

pun beliau menemui 'pengikut setia' itu, maklumat daripada mereka, yang mungkin memberikan gambaran yang berlainan, tidak direkodkan.

Tegasnya, misi Hervey ini bukan mencari data untuk membolehkannya mencapai keadilan yang saksama tetapi adalah untuk mencari kesaiahan Datuk Haji Sahil.

Hervey secara peribadi adalah seorang pencemas, dan penakut sebagai pengembara serta neurotik (Ellen, 1981: 84-85). Dalam krisis Rembau (Datuk Haji Sahil)—Tampin (Syed Hamid) beliau dikatakan sebagai pegawai Inggeris yang bersimpati dengan Syed Hamid (Thio, 1969: xxxvii). Justeru itu, besar kemungkinan sejak mula meninggalkan Melaka untuk melaksanakan arahan Weld, beliau telah mempunyai sikap negatif terhadap Datuk Haji Sahil. Perasaan takut dan cemas yang sememang sifat peribadinya itu dan diperkuatkan lagi oleh peristiwa semasa beliau bermalam di rumah Datuk Haji Sahil, telah mempengaruhinya semasa menjalankan tugasnya dan mungkin memperdalamkan sikap negatifnya terhadap Datuk Haji Sahil. Oleh sebab daya fikirannya sedemikian dan takutkan sikap permusuhan orang Datuk Haji Sahil, maka maklumat yang diperolehinya tidak diuji kebenarannya dengan meminta pihak yang terlibat kedua untuk membela diri atau mendapatkan pandangan pihak ketiga tentang sesuatu tuduhan itu. Hervey menerima segala maklumat yang diberikan oleh satu pihak sahaja dan mengakui kebenarannya. Akibatnya, data-data dan maklumat yang diperolehinya dan dilaporkannya adalah berat sebelah dan tidak adil bagi pihak Datuk Haji Sahil iaitu orang yang kewibawaannya sedang dipersoalkan. Oleh sebab kaedah penyiasatan yang digunakannya telah salah maka laporan itu juga adalah 'kurang jitu', kerana ia memperlihatkan 'rasa takutnya' dan 'teragak-agak' (Ellen, 1981: 83). Setelah meneliti laporan itu, Cecil Clementi Smith pegawai atasan Hervey memberikan komen bahawa laporan itu telah dibuat secara serampangan (Gullick, 1976: 5). Gullick pula menganggap laporan itu ditulis oleh orang yang tidak mempunyai wawasan atau pengetahuan mendalam tentang keadaan yang menjadi dasar masalah itu (Gullick, 1976: 10).

Mengikut pandangan pihak British, keadaan di Rembau menjadi semakin buruk dalam bulan Februari 1883. Selepas Hervey balik ke Melaka, Datuk Haji Sahil¹ meminta Laksamana Budin, sekutu Syed Hamid di Rembau, datang menghadap di balainya, di mana beliau dituduh pergi menemui dan bersubahat dengan Syed Hamid dengan tujuan menjatuhkannya. Atas perbuatannya itu, Laksamana Budin dikenakan hukuman denda. Beliau membantah dan bertindak balas menuduh Datuk Haji Sahil berlaku tidak adil. Beliau menyatakan bahawa bukan beliau sahaja yang menemui Syed Hamid, ramai lagi, tetapi mengapa beliau sahaja yang dipilih dan dikenakan hukuman. Laksamana Budin

Sahil

enggan membayar denda tersebut (Sherifa Khan, 1986: 45). Besar kemungkinan pertemuan itu telah berakhir dengan pertengkaran dan cabar-mencabar.

Apa yang harus diambil perhatian dalam peristiwa ini ialah siapa dia Laksamana Budin itu. Beliau adalah seorang juak huihalang, bukannya lembaga suku. Beliau adalah pengikut setia para Datuk Lembaga yang mahu menjadikan Syed Hamid sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau. Di samping itu beliau juga salah seorang daripada rakyat Rembau yang mahu Kerajaan Rembau bergabung dengan Persekutuan Seri Menanti (Thio, 1969: 34). Justeru itu, di bahagian akhir pertemuan itu pertikaian lidah lebih merupakan pergaduhan antara Syed Hamid dan kelompok Lembaga Rembau yang menyokongnya yang disampaikan melalui Laksamana Budin dengan Datuk Haji Sahil. Oleh sebab isu telah menjadi 'terbuka' Laksamana Budin yang tidak bertaraf lembaga telah lupa diri dan kedudukannya di Balai Penghulu.

Datuk Haji Sahil pula, seorang yang panas baran telah hilang sabar. Beliau menganggap perbuatan Laksamana Budin itu sebagai melanggar aturan 'patang penghulu'²⁵, iaitu derhaka. Derhaka adalah kesalahan tingkat tertinggi terhadap penghulu. Hukuman bagi orang derhaka, ialah 'dibuang' (dibunuh) dan itulah hukuman yang dijatuhkan oleh Datuk Haji Sahil ke atas Laksamana Budin.

Dalam kes Laksamana Budin itu, hukuman bunuh tidak dilakukan dengan sewenangnyanya. Ia telah melalui dua peringkat di mana penghulu berhak menjatuhkan hukuman secara bersendirian. Hanya peringkat itu, dalam peristiwa Laksamana Budin itu dilalui dalam tempoh masa yang singkat sekali. Dua peringkat itu adalah:

1. Pada mulanya, Laksamana Budin telah 'dihukum' denda atas 'kesalahan melanggar larangan penghulu' iaitu bersubahat dengan Syed Hamid. Denda yang dikenakan berjumlah \$25.00.
2. Apabila Laksamana Budin:
 - (a) ingkar dan enggan membayar denda,
 - (b) menuduh penghulu tidak adil, dan mungkin;
 - (c) mencabar kewibawaan dan kekuasaan penghulu;

Perbuatan menderhaka, seperti dinyatakan di atas adalah kesalahan tingkat tertinggi. Hukumann bagi kesalahan tersebut adalah 'hukum buang'²⁶. Dengan demikian, apa yang dilakukan oleh Datuk Sahil terhadap Laksamana Budin adalah mengikut aturan:

larang: hukum,
 pantang: bunuh. *italics*

Laksamana Budin mulanya hanya melanggar larang(an) penghulu maka beliau telah dihukum. Atas keingkaran dan kesalahan berikutnya (kerana mulut celaka badan) beliau telah melanggar 'pantang' penghulu

beliau telah dianggap melakukan kesalahan derhaka kepada penghulu.

dan hukumannya adalah 'bunuh'. Hukum bunuh adalah prerogatif penghulu berdasarkan hukum adat:

Tali pengikat daripada Lembaga,
Keris penyalang daripada Penghulu,
Pedang pemancung daripada Keadilan.

Dalam sejarah Rembau, perbuatan Datuk Haji Sahil menjatuhkan hukum buang (bunuh) bukanlah perkara baru dan dilakukan oleh Datuk Haji Sahil sahaja. Hukuman itu telah ada sejak zaman perubuhan Kerajaan Rembau. Untuk tujuan itu, Kerajaan Rembau telah menyediakan tempat khas iaitu di tebing sebelah kiri Sungai Penajih (Sungai Rembau sekarang) di tempat yang bernama 'Tebing Tinga' (Tebing Tinggi hari ini) iaitu lebih kurang satu kilometer ke hulu Penjemuran Buaya (Begbie, 1834: 405). Di situlah rakyat Rembau yang menderhaka dibunuh dengan 'disalang' menggunakan keris panjang. Pembesar yang menjalankan hukuman bunuh itu (pertanda) bergelar Panglima Dagang (Parr dan Mackray, 1910: 56).

Orang yang melaksanakan hukuman bunuh itu adalah Karim. Dalam kenyataannya kepada Syed Hamid, Karim menyatakan beliau telah membunuh Laksamana Budin dengan keris panjang (Gullick, 1976: 12). Penggunaan keris panjang bermakna dari segi aturcara melaksanakan hukuman, Datuk Haji Sahil tidak melampaui batas yang diperuntukkan oleh perlembagaan: 'Keris penyalang daripada Penghulu'. Seandainya beliau telah menjatuhkan hukuman pancung maka beliau telah menyalahgunakan dan melampaui bidang kuasanya sebagai penghulu. Hukum pancung adalah dalam bidang kuasa 'keadilan' (raja): 'pedang pemancung daripada Keadilan'.

Dari kaca mata perlembagaan Rembau, Laksamana Budin tidak dibunuh iaitu perbuatan di luar peruntukan undang-undang, melainkan dibuang. Dalam menjatuhkan hukuman itu, Datuk Haji Sahil bukannya seorang 'pembunuh' (Gullick, 1976: 12) seperti yang dilabelkan oleh pihak Inggeris tetapi telah menggunakan prerogatifnya sebagai Penghulu Kerajaan Rembau. Prerogatif penghulu, terutama sekali dalam kesalahan melanggar pantang penghulu, bermaksud 'terkhas menjadi tanggungjawab penghulu sahaja'. Dalam kes Laksamana Budin, kesalahannya nyata: melanggar pantang penghulu; dan ia boleh dikategorikan kepada kesalahan 'menceroboh kanun' Kerajaan Rembau. Oleh sebab itu, 'Lembaga tidak berkuasa menyelesaikan hal ini kerana kuasanya 'tersekat'; malahan 'keadilan' (raja) juga tidak boleh 'mengganggu', bahkan sebaliknya harus menghormatinya' (Abas Hj. Ali, 1953: 67; Parr dan Mackray, 1910: 53). Berikutan dengan itu, maka Karim, sebagai pelaksana hukuman atau pertanda, juga bukan seorang 'pembunuh' (Sherifa Khan, 1986: 46). Beliau adalah 'orang kerajaan' (sama seperti pegawai penjara yang melaksanakan hukuman mati mandatori hari ini) yang menjalankan tugas

dan tanggungjawabnya sebagai yang diperuntukkan oleh perlembagaan adat Kerajaan Rembau kepadanya.

Karim yang dianggap sebagai 'pembunuh' oleh Syed Hamid dan pihak Inggeris telah diberkas dan diserahkan kepada Syed Hamid yang kemudian melaporkan kepada Weld bahawa Karim semasa ditangkap telah memberitahunya (Syed Hamid) bahawa dia telah membunuh Laksamana Budin atas sabda penghulu dan jika tidak berbuat demikian, dia pula akan dibunuh (Gullick, 1976: 12). Pernyataan di atas, secara tidak langsung, memberitahu bahawa:

1. Karim ditangkap atas perintah Syed Hamid. Itu sebabnya, selepas diberkas Karim diserahkan kepada Syed Hamid, dan bukan kepada pihak Inggeris.
2. Selepas diberkas, Karim telah disoalsiasat oleh Syed Hamid yang membolehkannya membuat laporan kepada Weld.

Persoalan yang timbul berkait dengan tindakan Syed Hamid itu adalah: apakah hak dan kuasa Syed Hamid, pemerintah Tampin menangkap dan menyoalsiasat Karim, seorang rakyat (orang kerajaan—pertanda) Kerajaan Rembau? Beberapa andaian dapat diutarakan tentang pencerobohan Syed Hamid itu.

1. Syed Hamid telah mengambil inisiatif sendiri untuk menangkap Karim, orang yang 'membunuh' (mengikut pandangan Syed Hamid) Laksamana Budin, sahabat dan pengikutnya. Dengan bertindak sedemikian, Syed Hamid menunjukkan dan membuktikan kepada para pembesar dan rakyat Rembau lain yang menyokongnya: bahawa beliau sebagai pemimpin akan melindungi orangnya dan bertindak balas (hutang darah dibayar darah, hutang nyawa dibayar nyawa) terhadap sesiapa sahaja yang mengancam 'orangnya'.
2. Syed Hamid mencabar kekuasaan dan kewibawaan Datuk Haji Sahil sebagai Penghulu Rembau. Kepada rakyat dan pembesar Rembau, Syed Hamid hendak menunjukkan bahawa Datuk Haji Sahil tidak berkemampuan memberikan perlindungan kepada rakyatnya.
3. Syed Hamid ingin membalas dendam terhadap Datuk Haji Sahil dan perbuatannya menangkap dan menyoalsiasat Karim adalah salah satu usahanya untuk menjatuhkan Datuk Haji Sahil.

Perbuatan Syed Hamid ini adalah suatu pencerobohan ke atas keaulatan perlembagaan Kerajaan Rembau. Beliau adalah pemimpin Melayu dan anak bekas Yang Dipertuan Muda Rembau yang sepatutnya memahami undang-undang adat Kerajaan Rembau dan bercita-cita menjadi pemimpin kerajaan yang diidamkannya. Dengan demikian, beliau telah melanggar tatasusila dan etika sebuah kerajaan. Secara langsung dan sedar beliau telah mencampuri hal-ehwal dalaman Kerajaan Rembau; suatu tindakan yang menyebabkan Weld menjadi tertinja-tinja dan teronta-ronta hendak lakukan, tetapi sehingga akhir tahun 1882 masih

diikat dan dibelenggu oleh polisi Pejabat Tanah Jajahan di London.

Meneliti huraian di atas, satu persoalan boleh diutarakan, tetapi untuk setakat ini sukar hendak diberi jawapan. Persoalan itu adalah: mungkin-
kah Laksamana Budin itu mangsa keinginan atau kenekadan Weld
(Inggeris) dan Syed Hamid hendak menggulingkan Datuk Haji Sahil dari-
pada kerudukannya sebagai Penghulu Rembau? Tegasnya Laksamana
Budin adalah korban politik Weld dan Syed Hamid. Jikalau pernyataan
terakhir dapat dibuktikan kebenarannya maka tidak sukar untuk mema-
hami mengapa Hervey, yang dianggap mempunyai 'pengetahuan tentang
Negeri Sembilan' (sudah tentu termasuk Rembau) 'hampir menyerupai
satu ensiklopedia' (Blagden, *JRAS*, 1911, seperti dikutip oleh Ellen, 1981:
84), Residen Kaunselor Melaka, tidak memberitahu Gabenor Weld, orang
atasannya, tentang status 'pembunuhan' Laksamana Budin itu dari pan-
dangan perlembagaan adat Rembau. Sebaliknya, Weld, Hervey dan para
pegawai British lain, khususnya yang bertugas dan mempunyai hubungan
dengan negeri-negeri Melayu serta Syed Hamid telah melihat dan menilai
pelaksanaan 'hukum buang' yang dikenakan ke atas Laksamana Budin dari
kaca mata undang-undang Barat (?). Tujuan utama mereka mungkin
untuk memerangkap Datuk Haji Sahil. Dalam hal ini mereka telah berjaya.
Perangkap yang mereka pasang telah bingkas dalam bulan Februari 1883
dan diadili oleh mahkamah 'kangaroo' Weld dalam bulan Mac 1883 di
Melaka!

Dalam 'mahkamah' tersebut, Datuk Haji Sahil telah 'dibicarakan' de-
ngan menggunakan perspektif 'undang-undang' barat dan bukannya dari-
pada prespektif undang-undang Kerajaan Rembau walaupun yang kena
'bunuh' itu rakyat Rembau, yang 'membunuh' Penghulu Rembau dan
'pembunuhan' itu di bumi Rembau. Di samping itu, berdasarkan Perjanji-
an 28 Januari 1832 yang belum dibatalkan oleh mana-mana yang terkemu-
dian daripadanya, pihak Inggeris masih mengakui kedaulatan Kerajaan
Rembau sebagai sebuah negeri yang bebas dan merdeka. Perkara II
Perjanjian tersebut berbunyi:

Kerajaan Rembau akan bebas memerintah di dalam jajahan takluknya mengikut
undang-undang dan adat-adat negeri itu.

(Maxwell dan Gibson, 1924: 46)

Bagaimana perkara ini boleh sampai ke 'mahkamah' Weld di Melaka?
Seperti yang dirancang, sebaik sahaja Datuk Haji Sahil masuk perang-
kap, mungkin atas desakan Syed Hamid para pembesar Rembau—Datuk
Gempa Maharaja, Datuk Merbangsa, Datuk Bangsa Balang dan Datuk
Mandelika—telah bereaksi keras dan cepat. Pada 16 Februari 1883 me-
reka mengutus surat kepada Residen Kaunselor Melaka merayu meminta
penyelesaian sebelum 'kesemua para pembesar Rembau lainnya dibunuh'
(Sherifa Khan, 1986: 46).

Perjanjian

Setelah menerima surat tersebut, pada hari itu juga (16 Februari) Hervey telah memberitahu Weld tentangnya melalui telegram. Pada pandangan Weld peristiwa itu telah membawa Rembau kepada suatu tahap baru. Beliau menganggap 'pembunuhan' itu sebagai suatu keingkaran terhadap Kerajaan British kerana kedua-dua pihak telah diberi amaran supaya menjaga keamanan sementara menunggu penyelesaian. Oleh sebab bimbang akan kekacauan akan meluas, beliau dengan segera telah menambah lagi kekuatan balai polis di Simpang yang mengawal jalan laut memasuki Rembau, dan juga balai polis di kawasan sempadan Melaka-Rembau.

Pada 12 Mac 1883 Weld telah memberitahu perkembangan terbaru itu kepada Lord Derby, Menteri Tanah Jajahan. Mengikutnya, pergaduhan pasti terjadi di Rembau kerana sembilan orang datuk lembaga telah bersedia untuk mengadakan hampir dua ribu pengikut untuk menentang Datuk Haji Sahil. Beliau menegaskan bahawa untuk mengelakkan suatu perang saudara di Rembau, pihak British harus bertindak segera; jika tidak, di samping meletusnya huru-hara, pengaruh pihak British ke atas para pembesar Melayu juga akan merosot dan mereka akan keberatan untuk mendapatkan dan menerima nasihat Inggeris (Sherifa Khan, 1986: 46). Berkaitan dengan arahan, ingatan dan desakan London yang membenarkan Weld campur tangan di Rembau—mengelakkan diri daripada menguatkuasakan sebarang penyelesaian yang tidak dicapai secara sebulat suara oleh semua pihak—Weld memberitahu London bahawa desakan untuk mendapatkan kebulatan itu akan juga mencetuskan pergaduhan. Beliau percaya, dengan menunjukkan kekuatan pihak British, sebarang keputusan yang diambilnya akan diterima oleh semua pihak yang berkenaan. Beliau menerangkan bahawa tentera British tidak akan digunakan, sebaliknya beliau akan bergantung kepada pasukan polis dan orang Melayu yang bersahabat dengan Kerajaan Negeri-Negeri Selat (Thio, 1969: 35).

Sementara menunggu jawapan dari London, sebagai langkah berhati-hati, Weld telah menemui setiap ahli Majlis Legislatif Negeri-Negeri Selat, termasuk ahli tidak rasmi secara bersendirian untuk mendapatkan sokongan mereka. Weld berjaya memperolehi keputusan sebulat suara daripada ahli-ahli Majlis tersebut. Resolusi mereka adalah Gabenor diberi mandat dan kuasa penuh untuk menyelesaikan persengketaan di Rembau, dan diberi kuasa untuk menanggung belanjawan yang diperluakannya untuk tujuan tersebut (Sherifa Khan, 1986: 47). 'Keputusan' Majlis ini telah dilaporkan oleh Weld ke London pada 15 Mac 1883. Oleh sebab itu, dengan berat hati, Jabatan Tanah Jajahan membenarkan Gabenor Weld untuk mengambil tindakan yang difikirkannya paling sesuai (Thio, 1969: 35).

Dalam pemerihalan di atas beberapa perkara harus diambil perhatian. Pertamanya reaksi para pembesar Rembau adalah sesuatu yang bersifat

ironi. Sebagai Lembaga 'Tiang Balai Rembau dan 'penjaga' perlembagaan mereka seolah-olah tidak memahami adat 'pantang penghulu' iaitu dasar yang digunakan oleh Datuk Haji Sahil semasa menjatuhkan hukuman itu. Mereka mungkin betul-betul takut kepada Datuk Haji Sahil—berani kerana benar, takut kerana salah; dan sebelum mereka pula dikenakan hukum melanggar pantang penghulu—'derhaka: dahagi'—mereka telah bertindak dahulu. Mereka 'mengadu' dan menyebelahi serta memberi peluang (yang dinanti-nantikan) kepada musuh Datuk Haji Sahil, pihak British (Weld), untuk memusnahkannya.

Satu lagi perkara tentang laporan Weld kepada Derby, bertarikh 12 Mac seperti dinyatakan tadi adalah berkaitan dengan bilangan 'sembilan' orang lembaga (Lembaga Tiang Balai di Rembau ada lapan orang sahaja). Ini bermakna bilangan itu termasuk dua orang Datuk Mandelika—Abu Bakar dan Sael (Thio, 1969: 38) turut terlibat. Antara kedua-dua orang Datuk Mandelika itu adalah difahami mengapa Datuk Mandelika Sael memusuhi Datuk Haji Sahil, tetapi tidak Datuk Mandelika Abu Bakar. Abu Bakar telah 'dilantik' oleh Datuk Haji Sahil secara peribadi dan telah ditentang oleh Sael, penyandang yang sedia ada atas pilihan dan perlantikan ahli-ahli suku. Proses perlantikan Abu Bakar itulah yang menjadi punca permusuhan Datuk Sael dengan Penghulu Rembau. Bolehkah penyandang satu pusaka—Mandelika—yang sebelum itu bermusuhan, tiba-tiba dalam tempoh masa tidak sampai sebulan (daripada nusi Hervey) berbaik semula? Oleh sebab itu sejauh manakah fakta-fakta dalam laporan Weld ke London itu benar?

Fikiran Weld di sekitar tahun 1880-an seolah-olah dihantui oleh masalah Rembau dan Datuk Haji Sahil. Laporan-laporannya ke London sentiasa mencadangkan dan meminta izin untuk mencampuri hal-ehwal Rembau. Dengan itu, seperti dinyatakan dalam contoh di atas, ada kecenderungan yang fakta-fakta dalam laporan Weld itu telah serba sedikit diperbesarkan. London pula tidak ada cara untuk menentu atau mengesahkan penaksiran Weld ke atas situasi di Rembau (Thio, 1969: 34). Akhirnya, sebagai dinyatakan di atas, London dengan berat hati terpaksa memberikan kebenaran kepadanya.

Setelah mendapat izin daripada Menteri Tanah Jajahan, Weld telah menjemput kesemua pihak yang terlibat dalam pertelingkahan di Rembau itu menemuinya pada 27 Mac 1883 di Melaka. Sebagai langkah berhati-hati orang pertama diberitahu tentang perjumpaan itu adalah Maharaja Abu Bakar melalui surat bertarikh 19 Mac. Weld memberitahu Maharaja itu beliau mahu memberikan keputusan muktamad tentang masalah Rembau. Dalam surat jawapannya, Maharaja Abu Bakar dengan hormat menyatakan keinginannya untuk memberikan bantuan mana yang boleh tetapi meminta maaf kerana tidak dapat bersama dalam perhimpunan tersebut (Thio, 1969: 35).

Dalam utusannya kepada Datuk Haji Sahil, Weld menjamin keselamatannya dan kebebasannya di Melaka. Weld juga telah menjemput para pembesar dari Persekutuan Seri Menanti²⁸, Sungai Ujong dan beberapa orang pembesar Melayu lain dari Selangor serta Raja Idris²⁹ ketua Hakim Perak. Beliau hendak menunjukkan kehebatannya kerana berjaya menghimpunkan raja-raja Melayu. Beliau berharap ini akan menaikkan maruahnyanya dan mengkagumkan orang Rembau. Hervey Residen Kaunselor Melaka dan Swettenham Residen Selangor dengan dibantu oleh Raja Idris akan mengendalikan siasatan. Sebagai langkah keselamatan, Weld telah meminta Maharaja Abu Bakar mengeluarkan orangnya, jikalau ada, dari Rembau (Sherifa Khan, 1986: 46).

Setelah menerima jemputan Weld itu, Datuk Haji Sahil menyedari bahawa beliau akan 'dibicarakan' dengan Weld sebagai 'hakim'. Beliau juga tahu dalam 'mahkamah' 27 Mac itu beliau tidak akan mendapat simpati, khususnya daripada Weld. Weld akan memecatnya daripada jawatan Penghulu. Lebih kurang seminggu sebelum hari 'perbicaraan' itu, Datuk Haji Sahil telah pergi ke Singapura untuk membuat rayuan. Atas tanduknya sebelum itu dan hubungannya dengan Maharaja Abu Bakar, beliau adalah *persona non grata* di Singapura. Dengan itu, melalui Maharaja Abu Bakar beliau telah menawarkan untuk meletakkan Rembau di bawah perlindungan British, dan meminta seorang Residen British untuk Rembau. Sebagai balasan beliau mahu pencen bulanan berjumlah \$800.00 sebulan (Thio, 1969: 35).

Weld memberitahu Maharaja Abu Bakar beliau memerlukan masa untuk menimbangkan rayuan Datuk Haji Sahil itu. Beliau memerlukan waktu untuk mengukur dan memastikan kemahuan rakyat Rembau. Selanjutnya Weld juga menyatakan bahawa permintaan Datuk Haji Sahil untuk menerima pencen bulanan sebanyak \$800.00 itu adalah terlalu tinggi berbanding dengan tarafnya ataupun dibandingkan dengan hasil-mahsul negeri Rembau (Sherifa Khan, 1986: 47). Dengan kata lain, Weld telah menolak tawaran Datuk Haji Sahil. Weld menyatakan kepada Maharaja Abu Bakar apa yang diinginkannya hanya keamanan dan ketenteraman di Rembau dan beliau akan mendapatkannya. Untuk menunjukkan kenekadannya yang juga merupakan ancaman, beliau memberitahu Datuk Haji Sahil dan Maharaja Abu Bakar bahawa Kerajaan Negeri-negeri Selat telah bersedia dengan pasukan tentera yang akan menghancurkan dengan serta-merta sebarang tentangan terhadap keputusannya, walaupun beliau tidak berniat untuk menghalau sesiapa pun atau menggunakan senjata api melainkan jika terpaksa. Akhir sekali, beliau menasihatkan supaya Datuk Haji Sahil menghadirkan diri di Melaka pada tarikh yang telah ditetapkan untuk menjawab dan membersihkan diri daripada segala tuduhan terhadapnya dan kemudian menerima keputusan yang dipersetujui demi kebaikan masa depan kerajaan dan keamanan negeri Rembau (Thio, 1969: 35-36).

Pada 23 Mac 1833, Weld memberitahu Kementerian Tanah Jajahan sebab mengapa beliau menolak tawaran Datuk Haji Sahil untuk melanjutkan sistem Residen ke Rembau. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

1. Beliau tidak menganggapnya sebagai suatu tawaran *bona fide*.
2. Beliau mencurigai sama ada Datuk Haji Sahil boleh menerima 'nasihat' pihak British.
3. Beliau berpendapat majoriti pembesar dan rakyat Rembau tidak menginginkan langkah tersebut. Risiko untuk mengulangi peristiwa di Pasir Salak Perak dalam tahun 1875 adalah terlalu tinggi untuk mencubanya di Rembau.
4. Rembau adalah sebuah negeri miskin. Beliau curiga sama ada hasil Rembau mencukupi untuk membayar gaji para pegawai British (Thio, 1969: 36).
5. Beliau tidak mempunyai pegawai British yang sesuai pada masa itu untuk bertugas mengendalikan keadaan sensitif itu, dan adalah penting untuk mendapatkan seorang yang cekap untuk mengendalikan Kerajaan Rembau (Sherifa Khan, 1986: 48).

Oleh sebab itu Weld memutuskan bahawa untuk masa itu Rembau masih belum bersedia untuk menerima sistem Residen (Thio, 1969: 37).

Nota kaki

1. Selain daripada kekacauan di negeri-negeri Melayu terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan campur tangan British. Antaranya:

- (a) takutkan kuasa Eropah lain mendahului campur tangan di Tanah Melayu,
- (b) bertambahnya kepentingan pihak Inggeris,
- (c) suara desakan ramai kelas perdagangan di Singapura untuk mendapatkan keadaan tenteram yang perlu untuk perniagaan, pelaburan dan pembangunan sumber asli di Tanah Melayu.

2. Tan Kim Seng adalah tuan punya Syarikat Kim Seng yang terletak di Boat Quay Singapura dan mempunyai banyak kepentingan di Semenanjung Tanah Melayu.

3. Semasa berada di Singapura Datuk Kalana dan Datuk Muda Linggi telah menandatangani perjanjian di Rumah Kerajaan (Government House) pada 21 April 1874 dan mereka bersetuju:

- (a) menerima perlindungan British,
- (b) mereka bertanggungjawab melindungi perdagangan di Sungai Linggi,
- (c) berjanji bekerjasama membentasi penjenayah dan memberikan maklumat tentang semua peristiwa politik dan perdagangan penting; dan
- (d) berjanji bahawa stesen, daerah atau petempatan di Simpang sejauh Permatang Pasir harus diletakkan di bawah kuasa, aturan dan arahan Kerajaan British (Parkinson, 1964: 171).

Pihak Inggeris pula berjanji akan menjamin kemerdekaan, kedamaian dan kemakmuran Sungai Ujong.

4. Cowan (1961: 197) menyatakan pertemuan 2 Mei 1874 itu diadakan di Simpang.

5. Menurut Khoo Kay Kim (1984: 174) Datuk Haji Sahil tidak hadir dalam majlis penandatanganan dan perantaraan itu. Parkinson (1964: 275) juga membiis tentang kehadiran Datuk Haji

Sahil. Beliau hanya berkata: Para pembesar yang dipimpin oleh mereka daripada negeri Seri Menanti, Terachi, Gunung Pasir, Ulu Muar dan Jempol telah berkerapatan dalam tahun 1875 untuk melantik Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan; mengikut persetujuan bersama. Kebulatan itu tidak tercapai kerana Datuk Kelana - tujuan utama kerapatan itu diadakan— enggan hadir.

Daripada kenyataan ini kita dapat merumuskan bahawa Datuk Haji Sahil pun turut bersama dalam kerapatan itu kerana Parkinson dalam menekankan tentang 'kebulatan' yang perlu hanya menyebut ketidakhadiran Datuk Kelana sahaja. Secara tidak langsung ini bermakna Penghulu Jelebu juga turut hadir.

6. Apa yang pasti ialah Tunku Abdullah Yang Dipertuan Muda Jelebu tidak hadir kerana tidak dijemput. Dalam penentuan tentang kehadiran Penghulu Jelebu, Abdullah Zakaria (1992: 73) pada mula menyatakan secara tidak langsung, Penghulu Jelebu hadir, katanya: ... kecuali Datuk Kelana Sungai Ujong, semua Undang dan melantik Tunku Antah. ... (penekanan adalah penyusun).

1741's

Tetapi pada para berikutnya, di muka surat yang sama, beliau menyatakan Datuk Jelebu (iaitu dalam konteks pemanggilan pembesar Negeri Sembilan bermaksud Penghulu atau sekarang Undang Jelebu) tidak hadir kerana: ... Dato' Jelebu menyatakan bahawa Tunku Antah tidak memaklumkan perlantikan kepada beliau.

Sherifa Khan (1986: 24) juga membuat kesilapan yang sama dengan Abdullah (mungkin Abdullah Zakaria melanjutkan kesilapan Sherifa Khan) tetapi Sherifa Khan tidak menyebut secara khusus 'semua Undang' melainkan 'perjumpaan para pembesar' (a meeting of chiefs) yang juga bermaksud penghulu. Bagaimanapun, beberapa ayat selepas itu Sherifa Khan menyatakan Datuk Jelebu tidak memberikan undi kepada perlantikan itu. Dengan perkataan lain, Penghulu Jelebu (Datuk Jelebu atau pembesar), tidak hadir dalam majlis tersebut. Tetapi dalam nota kakinya Sherifa Khan, semasa menyatakan sumber datanya, iaitu *The Yang as Pertuan of Jelebu to Murray, dated 14 Dakaidah 1292 (12th December 1875 in C. 1505 p. 258* dengan jelas menyatakan bahawa yang tidak dijemput itu bukannya Penghulu (Datuk) Jelebu, tetapi Yang Dipertuan Muda Jelebu; dan Yang Dipertuan Muda Jelebu pada ketika itu adalah Tunku Abdullah. Punca kekeliruan di sini adalah menyamakan Datuk Jelebu dengan Yang Dipertuan Jelebu. Selanjutnya, dalam perlantikan Tunku Antah kehadiran Yang Dipertuan Muda Jelebu tidak penting dan bukan suatu yang mesti kerana dalam sistem politik adat Negeri Sembilan, hanya 'Penghulu Yang Empat' sahaja—sejak dari awal abad ke-18 lagi—yang berkuasa dan berhak melantik Yang Dipertuan Besar.

Rumusan yang mungkin dicapai di sini adalah Penghulu atau Datuk Jelebu sebagai pemimpin adat di Jelebu 'hadir' di majlis itu. Orang yang tidak hadir adalah Tunku Abdullah, Yang Dipertuan Muda. Antara kedua-dua orang pembesar Jelebu itu, dalam proses perlantikan Yang Dipertuan Besar, Penghulu Jelebu lebih berkuasa dan berhak daripada Yang Dipertuan Muda.

7. Pihak yang berkuasa dan berhak memecat atau melucutkan, dan melantik pengganti penyandang pusaka Datuk Kelana adalah para pembesar Sungai Ujong sendiri, dan bukannya orang luar; tidak juga Yang Dipertuan Besar.

8. Menurut Abdullah Zakaria '... seperti Undang Jelebu, Johol, Tampin dan Rembau akan memberi sokongan. ... Di sini apa yang hendak diutamakan adalah kesilapan Abdullah Zakaria mengeneralisasikan gelaran 'Undang' kepada pemerintah 'Tampin'. Pemerintah Tampin tidak bergelar Penghulu atau Undang tetapi 'Tunku Besar Tampin' (lihat huraian di atas). Kekeliruan seperti ini boleh menjejaskan fakta sejarah. Kesilapan Abdullah Zakaria ini mungkin berpunca daripada penterjemahan istilah *greater chiefs* yang digunakan oleh Gullick apabila dia melaporkan *The greater chiefs of Jelebu, Johol, Rembau and Tampin were prepared to join him. ...* Apa yang dimaksudkan oleh Gullick dengan *greater chiefs* adalah 'para pembesar negeri' bukan gelaran spesifik. Tujuan Gullick menggunakan kata *greater* kepada kata *chiefs* adalah untuk membezakan mereka dengan *minor chiefs* iaitu

penghulu-penghulu luak 'kecil' yang hari ini dikenali sebagai Luak Tanah Mengandung. Antara kedua jenis luak ini—yang diperintah oleh *greater chiefs* (Penghulu; sekali lagi Tampin juga tidak termasuk) terdapat perbezaan status dan hirarki dalam sistem politik adat Negeri Sembilan, terutama sekali dalam perantaraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

9. Masalah Tunku Antah ini hanya selesai pada 23 November 1876. Pada tarikh tersebut Tunku Antah dan para Penghulu Seri Menanti, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Ulu Muar berserta Penghulu Johol telah menandatangani satu perjanjian. Antara lain ia mengakui Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti, berkuasa atas Seri Menanti, Johol, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas. Mereka juga berjanji tidak akan mengganggu kedaulatan Kerajaan Rembau, Sungai Ujong dan Jelebu (Maxwell dan Gibson, 1924, 60-61). Ini bermakna, pada bulan November 1876 telah wujud Persekutuan Negeri Sembilan pertama yang terdiri daripada Seri Menanti, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Ulu Muar dan Inas di bawah Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.

10. Para penghulu Sungai Ujong dan Jelebu juga telah dimaklumi tentang perjanjian itu. Mereka, termasuk Datuk Haji Sahil telah berpuas hati dengannya.

11. Antara lain ialah Tunku Antah hanya diakui sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti dan tidak sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan; hanya negeri-negeri Seri Menanti, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Ulu Muar dan Inas sahaja yang bernaung di bawah kuasa Yang Dipertuan Seri Menanti.

12. Penghulu atau sekarang ini Undang Rembau membahaskan dirinya dengan ganti-nama majmuk 'karti' apabila bercakap rasmi kerana beliau bercakap bagi pihak rakyat (banyak atau ramai) Rembau. Beliau adalah orang yang dipilih dan dilantik sebagai mewakili rakyat.

13. Kerajaan Sungai Ujong telah pun pada 31 Mei 1877 menyerahkan Sunpang kepada pihak British (Maxwell dan Gibson, 1924: 39).

14. Nama ini telah diberi oleh akhbar *Singapore Daily Times*, 20 April 1880 (Thio, 1969: xxxvii).

15. Untuk huraian lanjut tentang betapa direndahkan para pembesar Negeri Sembilan, termasuk dua orang Yamtuan (Seri Menanti, Tunku Antah dan Yamtuan Muda Jelebu) lihat kutipan yang dibuat oleh Gullick (1976: 8).

16. Gullick (1976: 8) menyatakan pertemuan itu dirancang di Singapura, tetapi Thio (1969: xxxvii) menyebut di Melaka.

17. Andak adalah orang Muar dan pegawai Maharaja Abu Bakar di Negeri Sembilan. Beliau tinggal di Seri Menanti (Sheriff Khan, 1986: 40).

18. Sir Frederick Weld telah tiba di Singapura pada 6 Mei 1880 untuk mengambil alih tugas sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat.

19. Jabatan Tanah Jajahan juga agak kurang setuju dengan cadangan Weld tersebut. Weld pula tidak menghuraikan dengan lanjut apa yang akan dilakukan dengan wilayah berkenaan setelah dibelinya.

20. Datuk Kelana Syed Ahman telah meninggal dunia dalam tahun 1879 di Jeddah kerana penyakit berak darah atau disentri (Bird, 1883: 160). Untuk selama lebih kurang dua tahun pertikaian telah berlaku tentang perantaraan Datuk Kelana yang baru. Datuk Kelana Syed Ahman, sebelum ke Mekah telah menulis satu surat wasiat melantik anaknya yang keempat, Syed Hasan yang baru berumur 19 tahun sebagai penggantinya jikalau dia meninggal dunia. Surat wasiat ini telah ditandatangani oleh Datuk Syahbandar Haji Ahmad bin Ali berserta sepuluh orang ahli waris sebagai menunjukkan persetujuan mereka atas perantaraan itu. Apabila Datuk Syed Ahman meninggal dunia surat wasiat tersebut telah diketepikan dan pertelingkahan telah berlaku. Dalam bulan Februari 1881, di bawah pengawasan ketat pihak British, empat orang calon telah dikemukakan, dan akhirnya Datuk Lela Setia, seorang pesawah yang dicalonkan oleh Datuk Syahbandar dan dicadangkan oleh Anson, telah dilantik menjadi Datuk Kelana yang baru (Loh Fook Seng, 1969: 33-34).

21. Dudley Francis Amelius Hervey mula bertugas sebagai pegawai kadet Negeri-negeri Selat dalam tahun 1867; adalah majistret Melaka sebelum dilantik menjadi Kaunselor British Melaka dalam tahun 1882. Beliau bersara pada tahun 1893.

22. Sherifa Khan (1986: 44, nota kaki 71) juga keliru tentang kedudukan denda ini. Beliau mengatakan: *The largest fine that could be inflicted, and that by the Yamtuan alone and only for murder, was a fine of 66 kupang, equivalent of \$24.80. On the expulsion of the Yamtuan Muda, the Undang adopted the royal fine (66 kupang).* (Penekanan adalah penyusun).

Parr dan Mackray (1910: 56) sumber yang dipetik oleh Sharifah Khan berkata: ... the minimum penalty inflicted by the Undang in his judicial capacity, was one bahara, (\$14.00). On the expulsion of the Raja [Yam Tuan Muda] the Undang adopted the royal fine (66 kupang). ...

(Penekanan adalah oleh penyusun).

Jelas di sini apa yang dimaksudkan ialah 'denda minimum penghulu atau undang' selepas ketiadaan Yamtuan Muda ' dinaikkan' nilai minimumnya kepada 66 kupang atau R24.80.

23. Datuk Haji Sahil dikatakan menentang idea menjadikan Syed Hamid Yang Dipertuan Muda sebab beliau akan menuntut semula meriam, ~~kfr~~ senjata dan barang-barang lain kepunyaannya. Ini tidak dapat dilakukan oleh Datuk Haji Sahil.

24. Keturunan lelaki Raja Ali Iktu melalui titisan darah Raja Sulung, anak Raja Ujong yang tua, masih berharap mendapatkan semula jawatan Tunku Besar Tampin yang diberikan kepada Syed Hamid dan keturunannya. Mereka tetap menganggap bahawa tuntutan mereka adalah sah. Dalam kurun ke-20 ini mereka telah mula membuat tuntutan melalui surat yang bertarikh 5 Oktober 1946. Surat tersebut dikirimkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Berikutan dengan itu dua belas lagi surat tuntutan telah dibuat iaitu: 17 Mac 1947 (kepada istana Seri Menanti), 16 Februari 1949 empat surat iaitu: (a) kepada Undang Rembau, (b) Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, (c) kepada Penasihat British Negeri Sembilan, dan (d) kepada istana Seri Menanti; 25 April 1949 kepada Undang Rembau; 5 September 1949 kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan; 10 September 1953 berjumlah dua tuntutan: (a) kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya, (b) kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan; 5 Julai 1955 memorandum kepada Suruhanjaya Bebas Lord Reid (sebanyak 10 salinan iaitu satu salinan kepada setiap anggota jawatankuasa tersebut; dan, 16 Oktober 1959 kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Selepas Malaya mereka juga menulis beberapa surat lagi kepada beberapa orang tertentu termasuk Sheppard. Sheppard sebagai tindak balas telah meminta J.M. Gullick menulis satu artikel yang kemudian diterbitkan dalam tahun 1976 (Gullick, 1976: 1-36). Akhir sekali ketidakpuasan hati mereka itu telah dilahirkan melalui akhbar: *Berita Harian*, *Berita Minggu*, *New Straits Times* dan *Watan*. Ia menjadi suatu polemik umum, mulai November 1955 sehingga bulan Februari 1987.

25. Berkaitan dengan permohonan Weld mengenai wang ini, menteri bagi Tanah Jajahan British telah memberi komen mengatakan beliau tidak puas hati kerana beliau tidak nampak justifikasi yang Kerajaan Tanah Jajahan harus menanggung sebarang liabiliti dan kekurangan lain yang berkaitan dengan hal-ehwal negeri-negeri Melayu (Loh Fook Seng, 1969: 52).

26. 'Pantang Penghulu' ada enam perkara, yakni:

- derhaka : celaka;
- dehaga : dahagi;
- rumbun : bakar;
- tikam : bukur;
- upas : racun;
- sumbang : sala.

27. Dalam aturan adat Rembau hukum buang terbahagi kepada dua jenis:

(a) hukum buang : bermaksud dibunuh sehingga mati.

CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU

- (b) hukum buang hidup : disingkir atau dihalau keluar daripada wilayah kerajaan Rembau dan harta bendanya dirampas semua sekali (Parr dan Mackray: 1910: 56; Abas Hj Ali, 1953: 70).
28. Persekutuan Seri Menanti telah ditubuhkan pada November 1876 yang mengandungi Seri Menanti, Johol, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir dan Inas.
29. Raja Idris adalah anak menantu Raja Yusof dan sepupu Sultan Abdullah Perak. Beliau seorang penyokong British yang kuat. Apabila Raja Yusof meninggal dunia dalam tahun 1887, beliau telah dilantik menjadi sultan dan meninggal dunia dalam tahun 1916.

Lampiran

LAMPIRAN 1

Letters from Syed Shaaban of Rembau Betraying Nanning during the Nanning War

This letter from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. with compliments etc. in Malacca.

We wrote to our friend regarding Mr. Lewis going to beat Nanning for not obeying the orders of Government.

Therefore assistance came to the Panghooloo of Nanning from all the Malays in great numbers. We are also amongst them together with the Panghoolos of Rumbow but we have not assisted as yet. There being so many men from Rumbow to Nanning is the reason for our following there.

We now inform our friend that if he will settle with Mr. Lewis to pay Spanish Dollar 500 we will get the Malays to return back to their own countries. For what have we got to say to the business? It is the Company's people warring with the Company, and all the Panghoolos will be guided by us, and if we return all the other Panghoolos will also go away. If Mr. Lewis settle it as expressed in this our letter, our friend can send the money together with our friend's signature by the hand of a truly trusted person to us.

We further ask our friend if Mr. Lewis is going to take the country as far as Rumbow. If so, we must decline receiving the money. If he is not going to do so, we will receive it.

After compliments. Dated 19th August 1831

Letter received 22nd August

This letter is from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. after compliments.

Our friend has requested that all the Panghoolos and ryots should return from Nanning to their own different countries, that when it is ascertained that they have done so Spanish Dollars 500 will be certainly paid to us. Now when our friend's letter came to hand we retired to our separate countries, but the people only agreed to do so for two or three days, and if in that time our friend does not send the money the Panghoolos mean to return to Nanning and then we cannot prevent them.

If our friend sends the Sp. Drs. 500 we will receive it and our friend will see that his friend's wishes will be fulfilled regarding all these Panghooloos.

When the sepoys were coming up [and here he alludes to Captain Hibgame's party going to Soongye Pattiyel] there was a little fighting amongst the people as our friend's letter only just arrived at the time the troops did.

We were then in Panghooloo Seedin's house at Gajah Mati fast asleep, and suddenly awakened by the report of guns. We therefore immediately retired.

Our friend's wish to take the same Panghooloo of Nanning we cannot comply with, but if our friend's life and ours is spared we shall see what can be done.

Written on 22nd August. These letters brought by Pandeka Ondo Mata mata of Roombyah.

Letter dated 25th August

This letter with sincerity etc etc from Toon Koo Syed Sabban who is now residing in Roombyah and is addressed to J.B. Westerhout Esq with compliments.

Our friend wrote us a letter which has been safely received. From it we understand that our friend states that the Dollars 500 will be brought to Roombyah on Monday 2st Awal or 29th August. As we were to send a trusted person for it, we have now sent Pandeka Ondo and Hadji Talib with our receipt against seal to receive the 500 Dollars in question.

With compliments

Letter enclosed with the above. Now we have to inform our friends as a secret that the Panghooloo of Nanning wants to attack Malacca and he has requested assistance from Rumbow and Moar, but the people of those places cannot any more assist, as we and the Iang de Pertuan of Rumbow cannot assist Nanning any more as we have sworn fealty with our friend and we will never break from our engagements.

The record reads 'facility'

Source: Translations by Lewis copied in SSR B. Sec. Pol 362, Consultations of 14th October 1831.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 2

Senarai Penghulu (Undang) Rembau

Bil	Nama	Waris	Kampung	Tarikh Memerintah
1.	Si Rama (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1540-1555
2.	Ambo @ Amba (Sedia Raja)	Jawa	Kota	1555-1605
3.	Lenggang @ Genggang (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1605-1620
4.	Pandak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1620-1645
5.	Uban @ Putih Kepala (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1645-1660
6.	Sagah (Sedia Raja)	Jawa	—	1660-1690
7.	Kurap (Sedia Raja)	Jawa	—	1690-1725
8.	Sabat @ Sobok (Sedia Raja)	Jawa	—	1725-1740
9.	Lulinoh	Jakun	Chengkau	1740-1790
10.	Pekak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1790-1795
11.	Kosil @ Kesir (Lela Maharaja)	Jakun	Tebet	1795-1812
12.	Bogok @ Bahago (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1812-1819
13.	Ngorit @ Ngarit @ Rensh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1819-1843
14.	Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843-1872
15.	Haji Sahil (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1872-1883
16.	Serun bin Sidin (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1883-1905
17.	Haji Sulong bin Meah (Lela Maharaja)	Jakun	Gedong	1905-1922
18.	Abdullah bin Haji Dahan (Sedia Raja)	Jawa	Tanjong	1922-1938
19.	Haji Ipap bin Abdullah (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1938-1962
20.	Haji Adnan bin Ma'ah (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1963—

LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 3

Keluarga Diraja Rembau

A. Raja Rembau.

Bil	Nama	Tarikh Memerintah
1.	Raja Melewar	1721/22-1728-29 (Beliau meninggal di Seri Menanti 1740-an)
2.	Raja Adil	1740-an-1773

0.75 pt rule

0.25 pt rule

B. Yang Dipertuan Muda Rembau.

1. Raja Asil bin Raja Adil 1778-1795.
2. Raja Ali bin Raja Aman 1795-1832
3. Syed Syashan bin Syed Ibrahim al-Kadiri 1832-1836

C. Yang Dipertuan Besar Rembau.

1. Raja Ali bin Raja Aman 1832-1836.

0.75 pt rule.

↓ LAMPIRAN 4

bring LAMPIRAN 4 here.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 4

Tarikh Penting dalam Sejarah Rembau

<i>Tarikh</i>	<i>Peristiwa</i>
Abad 12	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Tumasi (Marsden). 2. Penghijrahan daripada Tumasi ke utara Semenanjung Tanah Melayu: Sang Hyang Hujung, Kelang dan Muar; membuka petempatan.
Abad 13 ± 1260	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Sang Hyang Hujung. 2. Perantau <i>pelarian</i> masuk ke pedalaman Sang Hyang Hujung meneroka kawasan Rembau; di tebing Sungai Penajih (Favre).
Abad 14 1365	Penempatan di Sang Hyang Hujung di bawah takluk Majapahit (<i>Nagarakartagama</i>).
± 1338	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Abas Haji Ali). Mereka membuat petempatan sementara (dusun).
± 1388	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Newbold). Mereka membuat petempatan sementara.
Abad 15 ± 1475	Batin Sekudai dilahirkan.
± 1490	Batin Sekudai berkahwin.
± 1490-an	Datuk Leteh, pembesar Minangkabau sampai ke Rembau, menetap di Kampung Relong.
± 1497	1. Datuk Bungkal binti Batin Sekudai dilahirkan di Kampung Relong. 2. Datuk Bungkal diambil oleh Datuk Leteh sebagai anak angkat.
± 1498-1500	Tun Zainal Abidin bin Bendahara Seri Maharaja Tun Perak berada di Lubuk China, Rembau; bergelar Datuk Lubuk China.
Abad 16 ± 1500	Batin Sekudai dan Datuk Leteh berpindah dari Kampung Relong ke Kampung Kebun Lada (Kampung Lada sekarang).
± 1501	1. Batin Sekudai meninggalkan Rembau untuk menetap di Seliau. 2. Datuk Leteh dilantik <i>pentadbir</i> Rembau. 3. Rembau mencapai tahap <i>nagari</i> dalam proses melamorfosis petempatan Minangkabau.
± 1502	1. Batin Pak Nilu membuka hutan gombira di kawasan Kota sekarang.

Tarikh

Peristiwa

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATHI PERADABAN

2. Membuat perkampungan untuk Datuk Bungkal.
3. Pokok merbau tua yang tumbuh di Kampung Api-api sekarang ditebang.
4. Nama Rembau bertukar daripada *Perabu* kepada *Merbau Tua*.
- ± 1504
 1. Datuk Lela dan Datuk Bungkal berpindah dari Kampung Kebun Lada ke Kampung Gombira.
 2. Datuk Bungkal menukar nama Kampung Gombira kepada *Kampung Kotor* (Kampung Kota Lama sekarang).
- 1511
 1. Kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis.
 2. Sultan Mahmud Melaka berundur ke Rembau (Braddell).
- 1512Ekspedisi tentera Portugis sampai ke sempadan Rembau-Naning (kawasan Kendung sekarang).
- 1514Portugis mendirikan kubu di Kuala Sungai Penajih (Kuala Linggi sekarang).
- 1515-16
 1. Datuk Lela Balang dan orangnya sampai di Kampung Kotor.
 2. Datuk Laut Dalam dan pengikutnya membuka Kampung Padang Lekok.
 3. Datuk Lela Balang berkahwin dengan Datuk Bungkal binti Batin Sekudai.
- 1516-17
1520-an
 - Si Rama bin Datuk Lela Balang dilahirkan.
 1. *Perikatan Lembaga Yang Lima* atau dikenali juga sebagai *Berlima Ke Hulu* ditubuhkan di Rembau Darat.
 2. *Ikatan Bersembilan Suku Ke Hilir* atau dikenali juga sebagai *Bersembilan Ke Hilir* ditubuhkan di Rembau Darat.
- 1519-25
 1. Kedatangan Datuk Budi, Datuk Laut, Datuk Baginda dan Datuk Putih ke Rembau.
 2. Mereka membuat petempatan di Rembau Darat: Kampung Batu Hampar, Kampung Sungai Layang, Kampung Bintungan dan Kampung Lubuk Rusa-Selemak.
- 1524-25Sitih Hawa binti Datuk Laut Dalam dilahirkan di Kampung Padang Lekok.
- 1539-40
 1. Datuk Lela Balang dengan diiringi Datuk Laut Dalam menghadap Sultan Alauddin Riayat Shah (1527/28-1564) di Johor Lama.
 2. Sultan merestui perantikan keturunan Datuk Lela Balang sebagai Penghulu Rembau dan memberi gelaran *Datuk Lela Maharaja*.
 3. Sultan merestui permintaan Datuk Laut Dalam agar keturunannya juga menjadi Penghulu Rembau secara bergilir dengan keturunan Datuk Lela Balang, dengan gelaran *Datuk Sedia Raja*.
 4. Sultan memberi gelaran baru kepada Datuk Lela Balang: *Datuk Gempu Maharaja*, dan Datuk Laut Dalam: *Datuk Merah Bangsa* (atau *Datuk Merbangsa*).

Susun, ble:
repeat here
for all the
table, an
rule.

LAMPIRAN

5. Kerapatan besar adat untuk menyusun struktur dan organisasi politik serta sosial Rembau, khususnya bagi Rembau Baroh.
- 1540
1. Si Rama bin Datuk Lela Balang @ Datuk Gempa Maharaja dikerjankan sebagai Penghulu Rembau pertama di Kampung Kota.
 2. Si Rama dikahwinkan dengan Siti Hawa bin-Datuk Laut Dalam @ Datuk Merbangsa di Kampung Padang Lekok.
 3. Penubuhan *Lembaga Tiang Balai Yang Empat Di Baroh*.
 4. Melantik dan memberi gelaran kepada ketua-ketua suku di Rembau, termasuk suku-suku di Rembau Darat.
- 1540-41
- Ambo bin Si Rama dilahirkan.
1. Kerapatan adat membahagikan Rembau kepada dua: *Rembau Baroh* dan *Rembau Darat*.
 2. Kedatangan orang Tanah Datar daripada Minangkabau di bawah pimpinan Datuk Maharaja Inda Bogok.
 3. Kedatangan orang Tiga Batu di bawah pimpinan Nang Besar.
 4. Kedatangan orang suku Mungkal daripada Macap, Naring, di bawah pimpinan Datuk Mengiang (sekarang disebut Datuk Ngiang).
- 1555
1. Datuk Lela Maharaja Si Rama meninggal dunia.
 2. Ambo bin Si Rama dipilih menjadi Penghulu Rembau kedua.
- 1586
1. Utusan daripada Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah (1570-97) menemui Datuk Sedia Raja Ambo meminta bantuan menyerang Melaka.
 2. Orang Rembau membakar dan memusnahkan harta benda di sekitar tebing Sungai Melaka serta menyekat lalu lintas makanan keluar masuk ke Melaka.
 3. Orang Portugis sampai ke sempadan Rembau-Naring. Mereka dipimpin oleh d'Azambuja.
 4. Datuk Ambo memohon perdamaian dengan d'Azambuja.
- Abad 17
- 1605
1. Datuk Ambo meninggal dunia.
 2. Lenggang dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-3 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1620
1. Datuk Lenggang meninggal dunia.
 2. Pandak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-4 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- 1622
- Rombongan Turku Besar Raja Bujang sampai di Rembau Darat dan membuat petempatan di Kampung Penajih, Ulu Sepri.
- 1623-24
- Sultan Abdul Jalil II (1623-77) Johor melantik Datuk Ganti Maharaja, lembaga suku Anak Melaka sebagai wakil kerajaan Johor di Rembau.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

- | | |
|-------------------|--|
| 1640, 7 September | 1. Rembau menghantar seramai 300 orang tentera membantu Johor dan Belanda menyerang Melaka. |
| 27 Oktober | 2. Rembau menghantar seramai 500 orang tentera dalam serangannya ke atas Melaka. |
| 1641, 14 Januari | 1. Melaka jatuh ke tangan Belanda. |
| Februari-Mac | 2. Lebai Muda dan Hitam ditahan Belanda di Tampin. |
| | 3. Hitam berjaya melepaskan diri dan mendapat perlindungan di Rembau. |
| 1642, Januari | 1. Jan Janz Menie menyekat lalu lintas di Sungai Penajih. |
| Februari | 2. Jan Janz Menie datang ke Rembau menemui Datuk Pandak. |
| | 3. Belanda menebus pelarian Kristian daripada Rembau. |
| | 4. Belanda membuka semula lalu lintas di Sungai Penajih. |
| April | 5. Utusan Sultan Johor menemui Datuk Pandak dan meminta membayar denda \$200. |
| 1-2 Mei | 6. Utusan Rembau berada di Melaka meminta Belanda menjadi pengantaraan dengan Johor tentang denda \$200. |
| 1643, 5 Mei | 1. Orang Rembau membakar kapal dan membunuh dua orang anak kapal Melaka di Sungai Baru. |
| 23 Mei | 2. Peperangan antara orang Rembau dan Belanda di Sungai Penajih berkaitan dengan perbuatan Belanda menutup sungai tersebut. |
| 1644 | 1. Utusan daripada Sultan Johor sampai ke Rembau. |
| Januari | 2. Penghulu Rembau disoalselidik oleh Sultan Johor di Batu Sawar tentang rompakan ke atas Jorge Fernandez dan pembunuhan orang Kristian oleh orang Tampin. |
| 5 Februari | 3. Forsenburgh dan Menie datang menemui Datuk Pandak di Rembau. |
| | 4. Pergaduhan antara Rembau dan Belanda berlaku: semua orang Belanda, termasuk Forsenburgh dan Menie mati terbunuh. |
| 7 Februari | 5. Gabenor van Vliet dan pasukannya diserang hendap oleh orang Rembau. Belanda berundur ke Melaka dan meninggalkan peti berisi wang sejumlah 13,000 rial. |
| Ogos | 6. Sekumpulan enam orang pengintip Rembau-Naning di bawah pimpinan Hitam berjaya mengumpulkan seribu orang tentera untuk melanggar Melaka. |
| 16 Ogos | 7. Orang Rembau-Naning, di bawah pimpinan Hitam berjaya menawan Bukit China, Melaka. |
| | 8. Belanda berjaya mematahkan pemberontakan Rembau-Naning. |
| | 9. Hitam dan kumpulannya kecuali seorang telah dihukum bunuh oleh Belanda. |
| 1645 | 1. Tunku Besar Raja Bujang meninggal dunia di Ulu Sepri. |
| Februari | 2. Tentera Rembau-Naning mengalahkan Belanda di Melekek. |
| | 3. Datuk Sedia Raja Pandak meninggal dunia. |

LAMPIRAN

4. Uban dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-5 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1646
Mac
24 Jun
17 September
1. Tentera Rembau-Naning dikalahkan oleh Belanda di Taboh Naning.
 2. Rembau menghantar perwakilan yang diketuai oleh Datuk Jalila Muluk dan Khatib Sitam Muda ke Melaka merundingkan perjanjian persahabatan Rembau-Belanda.
 3. Pengampunan 24 orang rakyat Rembau-Naning oleh pihak berkuasa Belanda di Betawi yang akan dihukum bunuh.
 4. Rundingan damai diadakan di rumah Datuk Jalila Muluk antara Pembesar Rembau dan Naning dengan Abraham Steen, wakil kerajaan Belanda.
 5. Datuk Uban menandatangani perjanjian perdamaian Rembau-Belanda.
- 1647
1649
1650-an
1659
1660
1670 Disember
1671 Januari
1675
- Neydert Clinkert datang ke Rembau mengutip bayaran atas tuntutan ganti rugi Belanda.
- Sekumpulan orang Sungai Ujong (suku Semelenggang) membuat perkampungan di Rembau Darat. Mereka bernaung di bawah Datuk Mendelika. Kelompok baru ini dikenali sebagai *Semelenggang Empat Ibu*.
1. Satu kumpulan orang Biduanda Jakun di bawah pimpinan Datuk Gindai Lautan datang membuat perkampungan di Rembau Darat.
 2. Sekumpulan orang Minangkabau yang berasal dari Batu Hampar di bawah pimpinan Datuk Sutan Bendahara sampai ke Rembau Darat.
1. Keluarga Diraja Johor datang ke Rembau meminang anak gadis suku Biduanda Jakun bernama Seri Banun. Peminangan itu telah ditolak oleh Orang Kaya Kecil, ayah Seri Banun.
 2. Datuk Lela Maharaja Uban mengisytiharkan bahawa *hak carak Biduanda Jakun menyandang pusaka Penghulu Rembau dicabut* (dilucutkan) *untuk sekali giliran* kerana dianggap *menderhaka* menolak pinangan diraja Johor.
 3. Si Amat anak Orang Kaya Kecil dan saudara kandung Seri Banun dihukum bunuh oleh Sultan Abdul Jalil II (1623-77).
1. Datuk Lela Maharaja Uban meninggal dunia.
 2. Sagah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-6 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- Utusan Datuk Sagah menghadap Sultan Johor untuk meminta izin menyerang Belanda di Melaka.
- Datuk Sagah menemui Penghulu-penghulu Sungai Ujong, Kelang dan Naning merundingkan hal menjemput seorang putera raja dari Minangkabau.

NEGERI YANG SEMBILAN; WARISAN SATU PERADABAN

1677 Februari Mac	Raja Ibrahim, putera raja Minangkabau sampai ke Rembau. Raja Ibrahim mengutus surat kepada Belanda di Melaka meminta Melaka jangan lagi mengganggu Rembau dan Nanning. Surat itu tidak dijawab oleh pihak Belanda.
April	1. Raja Ibrahim dengan diikuti 3,770 orang pengikut bersedia menyerang Melaka. 2. Raja Ibrahim berjaya menawan beberapa kawasan di pinggir bandar Melaka.
Jun	Raja Ibrahim dan tenteranya berundur dari Melaka dan balik ke Rembau-Nanning.
November- Disember	Raja Ibrahim mengadakan beberapa rundingan dengan Sultan Kuantan, Sunatera untuk mengadakan pakatan atas dasar keturunan Minangkabau, menyerang Belanda di Melaka. Mereka gagal mencapai kata sepakat.
1678	1. Raja Ibrahim membuat permuafakatan dengan orang-orang Bugis dan Makasar di Kelang atas dasar <i>seagama</i> untuk menyerang Belanda di Melaka. 2. Belanda menyerang Rembau; ikatan <i>seagama</i> yang cuba diwujudkan oleh Raja Ibrahim itu gagal.
Oktober	3. Raja Ibrahim mati dibunuh oleh Baggia, hamba kepunyaan Datuk Raja Merah, Penghulu Nanning.
November	4. Datuk Sagah membaharui perjanjian persediaan dan persehabatan dengan Belanda.
1680, Januari	1. Utusan Datuk Sagah ke Melaka merundingkan suatu perjanjian perdamaian dengan Belanda.
13 Februari	2. Surat perjanjian damai Rembau-Melaka ditandatangani di Melaka.
1690	1. Datuk Sagah meninggal dunia. 2. Kurap dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-7 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
Abad 18.	
1705	Berlaku 'kekacauan' di Rembau berkaitan dengan hamba kepunyaan Encik Panda.
1706	1. Rembau bangun memberontak menentang Johor.
Julai	2. Pemberontakan Rembau dapat dipatahkan oleh Bendahara Tun Mas Anum dan Sri Nara Diraja.
1707	Bendahara Tun Mas Anum menganugerahkan cap mohor yang bertulis ' <i>dengan restu Bendahara Sri Maharaja</i> ' kepada Penghulu Rembau.
1715	1. Rembau didatangi utusan Sultan Johor di bawah pimpinan Sri Bija Wangsa dan Orang Kaya Paduka Sri Dewa serta Encik Yusof bersama suatu angkatan perang meminta bantuan mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi. Angkatan Johor-Rembau-Sungai Ujong gagal mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi.

LAMPIRAN

- | | |
|-------------------------------------|---|
| Mei | 3. Satu lagi angkatan Johor di bawah pimpinan Temenggong Tun Alkhaf Jamsi tiba di Rembau meminta bantuan menyerang Linggi sekali lagi. Ekspedisi ini juga menemui kegagalan. |
| Julai-Ogos | 4. Sekali lagi Rembau menghantar tentera membantu angkatan perang Johor di bawah pimpinan Laksamana Sri Nara dan Sri Bija Wangsa menghukum orang-orang Air Hitam dan Sungai Tuan kerana membantu Bugis dalam ekspedisi sebelumnya. |
| 1716, April | Rembau membantu Raja Muda Tun Mahmud Johor memper-tahankan Selangor daripada serangan Daeng Marewah. Ang-katan Johor-Rembau mengalami kekalahan. |
| 1721 | Datuk Kurap menghantar utusan ke Pagarruyung meminta seorang putera raja. |
| 1721-22 | Raja Melewar ditabalkan sebagai <i>Raja Rembau</i> di Penajih. |
| 1723 | Rembau diserang Raja Khatib. Satu pertempuran berlaku di Kampung Bukit. Raja Melewar telah kalah dan berundur me-lindungi diri di Sepri. |
| 1725 | 1. Datuk Kurap meninggal dunia.
2. Selepas kekecuaan, Sobok @ Sabat telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-8 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. |
| 1726-27 | Angkatan perang Raja Melewar dari Rembau menyerang Raja Khatib di Seri Menanti. Raja Khatib melarikan diri ke Melaka (Naning). |
| 1728-29 | Raja Melewar diusir keluar daripada Rembau oleh Datuk Sabat. |
| 1740-an | 1. Raja Melewar meninggal dunia di Seri Menanti.
2. Raja Adil, seorang putera Bugis diletakkan di Rembau se-bagai <i>Raja Rembau II</i> dan wakil kerajaan Johor di Rembau.
3. Raja Adil berkahwin dengan Cik Menek, wanita Tampin, anggota suku Tiga Batu.
4. Raja Adil ditempatkan di Pedas, Rembau Darat. |
| 1750
ambil
dari ms
sebelum | 1. Daeng Kemboja berundur diri daripada Linggi ke Rembau setelah diusir oleh Yang Dipertuan Kecil Terengganu dan Daeng Tumik. |
| 1756 | 2. Daeng Kemboja membuat persetiaan dengan kerajaan Rembau. |
| Julai | 3. Raja Adil serta tentera Rembau membantu Daeng Kemboja menyerang Melaka, Tranquera dan Kelebang ditawan. Perang berlanjutan untuk lebih kurang sembilan bulan. |
| Oktober | 1. Tentera Rembau-Bugis terpaksa berundur dari kawasan Melaka. |
| 1757 | 2. Daeng Kemboja menetap di Rembau Hilir. |
| Julai-Ogos | 3. Pembesar-pembesar Rembau dan Kelang telah ke Melaka menemui Jacob Morsel untuk membuat perjanjian tetapi gagal kerana Linggi tidak ada wakil. |
| 29 September | |

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

	4. Semasa di Melaka ini Datuk Sabat telah berkahwin dengan seorang wanita Portugis.
November	5. Daeng Kemboja dan keluarganya berpindah ke Pedas berhampiran tempat kediaman Raja Adil.
12 Disember	6. Perjanjian Johor-Belanda ditandatangani dan Johor menyerahkan Rembau dan Linggi ke tangan Belanda.
1758, 1 Januari	Rembau yang hanya diwakili oleh Raja Adil, Belanda dan Bugis (Linggi) menandatangani satu perjanjian di Fort Filipina, di Kuala Linggi sekarang.
1759, 11 November	Satu lagi perjanjian, menggantikan perjanjian Januari 1758 yang tidak sah telah ditandatangani oleh Pembesar-pembesar Rembau, Kelang, Linggi dan Belanda.
SI 1760	1. Datuk Sabat meninggal dunia. 2. Lulinsuh telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-9 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
1761	1. Jenazah Tunku Raja Diharoh yang meninggal di Selangor dibawa ke tempat kediaman Daeng Kemboja di Pedas. 2. Daeng Kemboja bersama keluarga balik ke Riau mengiringi jenazah dan terus tinggal di Riau.
1775	Serombongan orang Bugis daripada Riau yang diketuai oleh Awaluddin dan Serjah datang ke Rembau untuk membuat perkampungan. Mereka telah diberi tempat di Bandar, Penajih.
1778	1. Raja Adil (Raja Rembau II) meninggal dunia. 2. Raja Asli bin Raja Adil dilantik menjadi <i>Yang Dipertuan Muda Rembau</i> . Beliau menggelarkan dirinya <i>Sultan Mahmud Shah</i> .
1783	1. Orang Bugis yang membuat perkampungan di Bandar meninggalkan Rembau dan berpindah ke kawasan baru iaitu di kawasan Linggi sekarang.
Disember	2. Raja Ibrahim daripada Selangor datang ke Rembau meminta bantuan menyerang Melaka.
1784 Januari	1. Orang Rembau dan tentera Selangor menyerang Melaka. 2. Orang Rembau Darat membantu Datuk Kelana Lela Bugis menentang Belanda di Simpang.
1787, Mei-Jun	Rembau membantu Sultan Mahmud Shah, sultan Riau-Lingga mengepung Dinding dan membuat pendaratan di pantai Pulau Pirang.
1790	1. Datuk Lulinsuh meninggal dunia. 2. Pekak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-10 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. 3. Pasah, seorang lagi calon pusaka penghulu yang tidak puas hati telah mengadukan hal kepada Sultan Mahmud Shah (1781-1812) di Lingga. Sebagai penyelesaian Pasah dikurniakan gelaran <i>Datuk Mangkubumi</i> yang bertaraf <i>Orang Besar Penghulu</i> dan jawatan ini kekal di kalangan waris Biduanda Jawa Kampung Tanjung.

hasil
ke us
2000 - akhir
tahun 1750

- 1795
1. Raja Hitam ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Seri Menanti di Penajih, Rembau.
 2. Datuk Pekak yang sedang uzur telah mewakilkan Datuk Perba Kosil pergi ke Melaka berunding dengan kerajaan Inggeris dan menandatangani persetujuan antara Rembau dengan Inggeris di Melaka.
 3. Datuk Perba Kosil enggan meletakkan taraf wakil sekembalinya dari Melaka. Beliau memaksa Datuk Pekak menyerahkan pusaka Penghulu kepadanya.
 4. Kosil dikerjankan sebagai Penghulu Rembau ke-11 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 5. Raja Ali merampas kuasa Yang Dipertuan Muda Rembau daripada Raja Asil.
 6. Raja Asil mengundur diri ke Naning.
- 1795-96 Raja Asil meninggal dunia di Naning.
- Abad 19
- 1801-2
1. Tertubuhnya *Ikatan Suku Yang Lima* atau *Berlima Disebelah Baruh*.
 2. Penghulu Rembau dengan rasmi mengiktiraf kewujudan ikatan: *Berempat Berlima Suku Di Baroh* dan *Berlima Bersembilan Suku Di Darat* dalam kerajaan Rembau.
- 1808 Raja Lenggeng Laut ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Nebatti di Penajih, Rembau.
- 1812
1. Datuk Lela Maharaja Kosil meninggal dunia.
 2. Bogok dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-12 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- 1819
1. Raja Ali bersama Raja Lenggeng Laut mewujudkan institusi *Lembaga Yang Empat Di Darat*.
 2. Datuk Bogok meninggal dunia.
 3. Ngonit @ Reneh @ Ramah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-13 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 4. Raja Ali pula melantik Pakat ahli waris suku Biduanda Jawa sebagai Penghulu Rembau. Perlantikan Pakat tidak mendapat pengiktirafan Lembaga Tiang Balai Rembau.
- Jun
5. Timmermorn Tysser, Gabenor Belanda di Melaka menghantar utusan menjemput penghulu dan Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka.
 6. Semasa di Melaka mereka menandatangani suatu perjanjian persahabatan dengan Inggeris.
- 1824 Raja Lenggeng Laut meninggal dunia.
- 1826
1. Raja Labu ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar di Penajih, Rembau oleh Penghulu Rembau, Penghulu Sungai Ujong dan Penghulu Naning. Baginda diberi gelaran Yamtuan Sati.
 2. Raja Labu menyerang Raja Ali.
- 1829 'Perang' antara Raja Labu dengan Raja Ali tamat.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

1830	1. Raja Labu diusir keluar daripada Seri Menanti dengan perkenan Datuk Kelana Sungai Ujong. 2. Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka mengadakan rundingan dengan Inggeris. Kedua-dua pihak bersetuju menandatangani suatu perjanjian.
1831 Ogos	1. Perang Nanning meletus. Rembau membantu Dni Said Penghulu Nanning.
19 Ogos	2. Syed Syaaban berpaling tadah membantu Inggeris dengan mendapat bayaran berjumlah \$500 Sepanyol.
30 November	3. Inggeris membuat perjanjian dengan Rembau; tetapi tidak sah kerana Lembaga Tiang Balai tidak berserta.
1832, 28 Januari	1. Pembesar-pembesar Rembau menandatangani perjanjian (membaharui perjanjian November 1831) di Simpang.
30 April	2. Syed Syaaban dan pengikutnya membantu Inggeris menyerang Nanning dan memainkan peranan penting memastikan kemenangan Inggeris.
13 September	3. Raja Ali mengisytiharkan dirinya sebagai <i>Yang Dipertuan Besar</i> Rembau dan Syed Syaaban telah dilantiknya menjadi Yang Dipertuan Muda.
21 Oktober	4. Ibbetson Gabenor Negeri-negeri Selat mengunjungi tempat kediaman Raja Ali di Bandar, Rembau.
1833 9 Januari	1. Perjanjian sempadan Rembau-Melaka ditandatangani.
23 Januari	2. Syed Syaaban mula menjalankan aktiviti mencukai lalu lintas perdagangan Sungai Linggi di Simpang.
September-November	3. Perang Rembau-Linggi meletus.
1834	1. Syed Syaaban melakukan percubaan membunuh Datuk Ngonit tetapi gagal. 2. Datuk Ngonit berserta Datuk Kelana dan Raja Radin memihak kepada Datuk Kattas Linggi menentang Syed Syaaban dan Raja Ali.
1836	1. Syed Syaaban dan Raja Ali diusir keluar daripada Rembau.
1837	- Raja Radin Yang Dipertuan Besar Seri Menanti melantik seorang ahli waris Biduanda Jakun daripada Kampung Chengkau belahan Chembong menjadi wakilnya di Rembau dengan gelaran <i>Datuk Raja Diraja</i>. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu. 2. Institusi Yang Dipertuan Muda Rembau dihapuskan.
1843	1. Datuk Ngonit meninggal dunia. 2. Berlaku pertelingkahan mencari pengganti. 3. Akhir dipilih menjadi Penghulu Rembau yang ke-14 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. Calon lain terutama Lebai Kulop tidak berpuas hati perlantikan Datuk Akhir itu. 4. Lebai Kulop memanjangkan tuntutananya itu dengan menggunakan senjata. 5. Rembau meminta jasa baik Datuk Kelana Kawal menjadi orang pengantara dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop.

LAMPIRAN

6. Datuk Kelana Kawal melantik seorang waris Bickanda Jakun Kampung Chengkau yang diberi gelaran *Datuk Menteri Penghulu* sebagai wakil khasnya di Rembau.
- 1844
1. Pembesar-pembesar Rembau mulai melibatkan diri dalam aktiviti mencukai di Sungai Linggi, khususnya di Simpang.
 2. Mula berlaku bertelingkahan sempadan di Sungai Linggi antara Rembau, Sungai Ujong dan Selangor.
- 1847
1. Syed Syaaban menyatakan kesanggupannya membantu Datuk Akhir memerangi Lebai Kulop dengan syarat beliau dilantik semula sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau.
 2. Satu majlis perundingan diadakan antara Pembesar-pembesar Rembau dengan Inggeris tentang Syed Syaaban itu.
 3. Inggeris menolak permintaan Syed Syaaban.
- 1848
1. Lebai Kulop meninggal dunia.
 2. Gelaran Datuk Menteri Penghulu, wakil Datuk Kelana dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop ditukar menjadi *Datuk Menteri Lela Perkasa*. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu dan khas untuk disandang oleh waris Kampung Chengkau.
- 1850
1. Raja Ali meninggal dunia di Keru Tampin.
 2. Syed Syaaban diberi kuasa oleh Inggeris untuk memerintah Tampin dan direstui oleh Pembesar-pembesar Rembau. Beliau diberi gelaran *Tunku Besar Tampin*.
- 1851
- Inggeris mengadakan suatu pertemuan di Melaka antara Datuk Akhir, Datuk Kelana Kawal dan Raja Radin untuk menyelesaikan masalah pencukain di Sungai Linggi, khususnya kegiatan Lebai Kulop. Datuk Kelana tidak hadir. Datuk Akhir berjanji akan menyiasat perbuatan dan menghentikan aktiviti Lebai Kulop.
- 1855
1. Kegiatan mencukai di Sungai Linggi semakin bertambah dengan terlibatnya tiga orang pembesar lain.
- Ogos
2. Datuk Kelana Kawal menyerang tol-tol cukai di Sungai Linggi.
- 1857
- Kapal Perang *Amethyst* memusnahkan kubu pencukain di Pengkalan Kempas.
- 1859
1. Datuk Kulup Turuggal, Syahbandar Sungai Ujong melibatkan diri dalam pencukain di Sungai Linggi. Berlaku pertelingkahan antara Datuk Syahbandar dengan Datuk Kelana.
 2. Datuk Akhir diminta menjadi orang tengah dalam konflik Bander-Kelana itu.
 3. Datuk Akhir, Datuk Kelana dan Raja Radin menaikkan cukai ke atas pelombong China.
- 1860
1. Datuk Akhir memberi kuasa kepada Haji Musa untuk memungut cukai di Lubok China.
 2. Perbuatan ini menegangkan perhubungan Datuk Akhir dengan Datuk Kelana dan Datuk Kattas Linggi.

LAMPIRAN

Disember	7. Datuk Haji Sahil menyerang dan memusnahkan kubu Haji Mustapha.
1874, 13 Februari	8. Haji Mustapha mencari perlindungan di Singapura. 1. Suatu rundingan damai diadakan di Singapura. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi menghantar wakil.
April	2. Orang Rembau melakukan kekacauan di Sungai Linggi.
2 Mei	3. Satu pertemuan diadakan di Kuala Linggi untuk menyelesaikan masalah cukai di Sungai Linggi. Datuk Haji Sahil tidak hadir kerana sakit.
3 Mei	4. Perjumpaan tersebut (2 Mei) dipindahkan ke Simpang. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi mengirim surat menafikan penglibatannya dalam masalah cukai Sungai Linggi.
5 Mei	5. Inggeris memusnahkan benteng di Bukit Tiga.
September– Oktober	6. Haji Sahil, Tunku Kudin membuat persetiaan dengan Datuk Kelana melindungi keamanan Sungai Ujong.
November	7. Orang Rembau membantu Datuk Syahbandar Sungai Ujong menentang Datuk Kelana. Orang Rembau turut membantu menawan Rasah daripada Datuk Kelana.
1875	1. Datuk Haji Sahil menyokong perlantikan Tengku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Menanti.
Disember	2. Datuk Haji Sahil menulis surat kepada Inggeris memberitahu bahawa beliau tidak terlibat dalam Perang Bukit Putus.
1876, 15 Januari	Datuk Haji Sahil pergi ke Melaka untuk turut serta bersama Pembesar Melayu Negeri Sembilan lain membincangkan masalah Tengku Antah dengan Inggeris.
1877	1. Maharaja Abu Bakar mengunjungi Datuk Haji Sahil di kediamannya di Nerasau, Rembau.
31 Mac	2. Datuk Haji Sahil menandatangani surat perjanjian peribadi dengan Inggeris.
Jun	3. Suku Anak Melaka Kampung Bongek dan Bintongan menjadi suku yang berteduh di bawah naungan Penghulu dan tidak lagi berlembagakan Datuk Lela Wangsa.
Ogos	4. Datuk Haji Sahil menghadiri persidangan Pembesar-pembesar Negeri Sembilan anjuran Maharaja Abu Bakar yang diadakan di Segamat, Johor.
27 September	5. Datuk Haji Sahil menyerahkan Simpang kepada Inggeris melalui satu perjanjian.
1878	1. Datuk Haji Sahil mengisytiharkan Tampin sebagai sebahagian daripada wilayah kerajaan Rembau.
Januari–Februari	2. <i>Perang Kecil Rembau–Tampin</i> meletus untuk beberapa ketika.
1879 November– Disember	Perselisihan antara Datuk Haji Sahil dan Syed Hamid membara semula.
1880 Januari	1. Rembau menyerang dan berjaya menguasai Tampin.
Mei–Jun	2. Syed Hamid berjaya mengusir orang Rembau keluar daripada Tampin.

341

343

atas kampung tangan Ulu, Gabun Nglin
Seket, perangnya in ditamatkan
tampin kemudian di mana puteri.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

- | | |
|-----------------------|---|
| 1881 | 1. Pihak Inggeris (Weld) cuba menyelesaikan masalah Perang Kecil Rembau-Tampin, tetapi gagal. |
